

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

## **PARLIAMENTARY DEBATES**

### **DEWAN NEGARA**

*Senate*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KEEMPAT**  
*Fourth Session*

**Jilid IV**

**Bil. 6**

**Hari Isnin**

**26hb Mac, 1990**

#### **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**(Ruangan 1)**

#### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas)(Pindaan)

**(Ruangan 33)**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989)

**(Ruangan 66)**



MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 26hb Mac, 1990

Meayuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

(Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

**Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin', soalan No. 1.

PENCEMARAN ALAM SEKITAR - KAWALAN

1. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh [di bawah S.O. 23 (2) minta** Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa kita bangga kerana Kerajaan kita telah dipilih untuk menerima Anugerah Alam Sekitar 1989 akibat mengambil langkah pertama menyediakan Deklarasi Langkawi semasa Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel atau CHOGM pada tahun lepas, sehingga sekarang apakah program yang dirancang oleh Kerajaan untuk mengawal penceraaran alatan sekitar di negara kita.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze]:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut merasa bangga dengan Ahli Yang Berhormat di atas kejayaan dan penerimaan Deklarasi Langkawi oleh Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada bulan Oktober tahun lalu.

Sejajar dengan aspirasi yang termaktub di dalam Deklarasi Langkawi, Jabatan Alam Sekitar telah mencadangkan prograra-progratn alara sekitar sebagai tindakan susulan seperti berikut:-

- (i) pembentukan dasar dan program bermirip alam sekitar termasuk penguatkuasaan berterusan peraturan-peraturan alam sekitar dan keperluan kajian EIA (Environmental Impact Assessment Study) bagi projek-projek pembangunan;
- (ii) menyokong pembentukan tabung kewangan bagi perlindungan alam sekitar sedunia;

- (iii) pembangunan sumber-sumber tenaga bersih serta galakan menggunakan teknologi yang tidak mengeluarkan sisa-sisa (zero waste technology);
- (iv) penggunaan bahan-bahan gantian chlorofluorocarbon dan halon serta mengguna semula bahan kimia itu;
- (v) pembangunan dan perlindungan hutan belantara melalui pelan pengurusan hutan yang komprehensif;
- (vi) peningkatan kesedaran dan pendidikan alam sekitar;
- (vii) peningkatan penyertaan Malaysia di dalam aktiviti-aktiviti antarabangsa seperti menghadiri persidangan dan sebagainya untuk melindungi alam sekitar; dan
- (viii) usaha untuk menentukan bahawa setiap aktiviti pembangunan mematuhi prinsip pembangunan berterusan (sustainable development).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan 21hb Oktober tiap-tiap tahun yang merupakan ulang tahun Deklarasi Langkawi untuk raenyambut Hari Alam Sekitar Sedunia di peringkat kebangsaan.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, adakah Kementerian Yang Berhormat menyedari bahawa kebanyakan sungai-sungai di negara ini telah dicemari oleh pembuangan sisa-sisa kilang, terutamanya kilang kelapa sawit. Soalannya, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bagi mengatasinya?

Yang kedua, adakah pihak kilang boleh dituntut gantirugi kerana pencemaran ini seperti hilang selera makan, gangguan kesihatan dan lain-lain?

Yang ketiga, bagaimanakah sesuatu aduan hendak dibuat berkaitan hal-hal pencemaran. alam sekitar?

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Tuan Yang di-Pertua, Abli Yang Berhormat merujuk kepada sisa-sisa dari kilang kelapa sawit yang dalatn tatapan kami sisa-sisa dari kelapa sawit telahpun terkawal tetapi jika ada kilang-kilang yang membuat salah, kita akan ambil tindakan yang sesuai mengikut peraturan-peraturan yang ada. Dan juga biasanya kita memberi amaran, selepas itu jika raereka tidak mematuhi arahan kita, kita akan mengarabil tindakan mahkamah.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Tuan. Yang di- Pertua, saya melihat kepada 8 perkara yang telah disenaraikan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi dari segi program susulan yang dibuat oleh Kerajaan sebagai susulan kepada Deklarasi Langkawi ini,. saya dapati daripada 8 ini, hanya satu sahaja iaitu yang nombor (vi) iaitu peningkatan kesedaran yang melibatkan di luar daripada perkara-perkara yang melibatkan, umpamanya industri dan sebagainya. Peningkatan kesedaran ini mungkin menyebabkan masyarakat umum, atau dalam lain-lain perkataan, dengan izin, society at large kemungkinannya. Jadi, saya ingin kalau dapat sedikit penerangan apa yang dilakukan kerana pada saya ini yang paling penting sekali yang mencemarnya ialah manusia dan bagaimana kita meningkatkan kesedaran di kalangan manusia supaya mereka jangan melakukan perkara-perkara yang mendatangkan kemusnahan kepada alam sekeliling ini kerana ini sedikit sangat, satu perkara sahaja yang disebutkan.

**Datuk Amar Stepben Yoog Kuet Tze:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dan saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya, Kementerian telah dan sedang menjalankan kerapen-kempen dalam meningkatkan kesedaran dan pendidikan alam sekitar khususnya di sekolah-sekolah. Jadi, kita akan meningkatkan lagi usaha ini.

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri mengenai kilang simen di Pulau Langkawi, Saya rasa kilang simen di Pulau Langkawi itu sendiri mencemarkan kepada alam sekitar, sebab ini bukan kata-kata tetapi saya

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat apakah soalan tambahannya?

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Soalan tambahan ialah adakah kilang simen di Pulau Langkawi itu tidak mencemarkan alam kerana kalau kita pergi ke kawasan itu memang pencemaran alam begitu kuat oleh simen?

**Datuk Amar Stephen Tong Koet Tze:** Tuan Yang di-Pertua, kilang simen boleh jadi satu punca pencemaran. Jadi, kita pun sedang mengawal aktiviti-aktiviti kilang itu. Di sini saya hendak memberitahu iaitu kilang simen ini telahpun ditubuhkan lama dahulu sebelum kita menetapkan Langkawi menjadi satu tempat pelancongan. Jadi, kita harapkan pihak kilang itu akan menerima garis panduan daripada Jabatan Alam Sekitar supaya kita boleh mengawalnya dengan sempurna.

#### AMPANGAN HAIDRO DI ULU KELAHTAN

2. **Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sejauh manakah rancangan Kerajaan hendak membina ampangan haidro di Ulu Kelantan sedang diusahakan, dan mengikut kajian Kerajaan apakah implikasi dan kos sosial, ekonomi, ekologi dan politik kepada Malaysia, khususnya Kelantan.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato'Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebuah projek haidro yang besar telah dikenalpasti di Sungai Nenggiri, Ulu

Kelantan kira-kira 20 kilometer di Utara Gua Musang. Projek ini yang dinamakan Projek Ampangan Nenggiri, berpotensi keupayaan 450,000 kilowatt dan pengeluaran tenaga sebanyak 720 juta kilowatt jam (kwj) setahun. Penanaman modal yang diperlukan berdasarkan harga tahun 1987 ialah S820 juta. Projek ini ditimbang sebagai sebuah projek yang diberi keutamaan dalam perancangan penjanaan kuasa oleh Lembaga Letrik Negara.

Taan Yang di-Pertua, projek ini akan membawa faedah yang tinggi kepada negara pada amnya dan kepada negeri Kelantan Diarul Naim khususnya. Faedah-faedah kepada negeri Kelantan adalah termasuk pembangunan infrastruktur, bekalan elektrik yang lebih bermutu, peluang pekerjaan, perkembangan kemahiran pekerja, bekalan air untuk minuman, tebatan banjir dan perairan yang lebih cukup dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun projek ini sama seperti lain-lain projek haidro akan membawa kesan terhadap alam sekitar dan ekologi, seperti penempatan semula penduduk, penenggelaman kawasan perhutanan dan pertanian, pemusnahan habitat hidupan liar dan burung-burung, projek ini perlu dilakukan dan faedah-faedah ekonomi dan sosialnya.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri memandangkan projek ini terlalu besar perbelanjaannya, adakah benar Kerajaan ingin menukarkan projek ini diberi keutamaan kepada Ulu Jelai di Pahang?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, projek haidro di Ulu Jelai, Pahang ialah satu projek dalam pertimbangan LLN sekarang tetapi sepertimana yang saya katakan tadi projek ini akan ditimbang dalam tahun yang akan datang. Tetapi keutamaan telah

diberikan kepada projek di Ulu Jelai sebagai satu projek yang lebih mustahak kepada bukan sahaja di negeri Pahang tetapi di kawasan-kawasan sekitarnya.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan perubahan iklim dan juga laporan terakhir daripada pihak tertentu yang menyatakan paras air di ampanganrampangan tanah-air sekarang turun ke tahap bahaya dan berkemungkinan turbine di ampangan ini tidak dapat digunakan kerana karang kuasa akibat daripada kemarau. Soalan saya ialah apakah contingency plan pihak Kementerian untuk mengatasi kemungkinan-kemungkinan ini kalau masalah kemarau ini berterusan?

Soalan yang kedua adalah berkaitan. Saya ingin tahu juga apakah setelah mendapat makluraat-raaklumat dan amaran-amaran awal seperti **ini**, sejauh manakah pihak Kanenterian telah membuat kajian tentang **viability** dari segi jangka panjang projek-rprojek ampangan memandangkan perubahan-perubahan iklim akibat daripada greenhouse effect dan lain-lain lagi kepada peningkatan kuasa tenaga melalai ampangan-ampangan yang sedang dirancangan?

**Dato'Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, dalam sejarah penjanaan elektrik di dalatn tanahair kita, ampangan ialah satu projek dari mana kita boleh dapat penjanaan electricity yang lebih murah. Jikalau kita suka mendapat penjanaan elektrik itu melalui turbine dan lain-lain, saya percaya harga itu lebih tinggi daripada apa yang kita tetapkan. Walau bagaimanapun, Lembaga Letrik Negara dan juga Kementerian saya telah mengambil .satu tindakan untuk mendapat lebih kurang 7 buah generator dengan kuasa 100 megawatt untuk digunakan dalam masa seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat . Saya percaya perkara ini boleh dapat diselesaikan pada penghujung tahun 1990. Sejumlah projek ini berharga lebih kurang S760 juta.



**FELDA - PENGURANGAN KOS PEMBANGUNAN LADANG**

3. **Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Ketnajuan Wilayah raenyatakan apakah langkah yang diambil oleh FELDA di atas teguran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai pengurangan kos pembangunan ladang dan juga kos memproses kelapa sawit di kilang-kilang kelapa sawit kepunyaan Perbadanan Kilang FELDA jika dibandingkan dengan kilang-kilang swasta.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua bahagian soalan Yang Berhormat itu berkaitan dengan kos pembangunan ladang dan juga satu lagi tentang kos memproses.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bahagian pertama, dari segi kos pembangunan ladang, langkah-langkah mengurangkan kos yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- (i) dalam memilih kawasan, ciri utama kawasan yang dipilih adalah bergantung kepada, dengan izin, viability ataupun daya maju dari segi ekonominya dan ianya akan membawa hasil yang dianggap memuaskan;
- (ii) kawasan-kawasan bermasalah seperti kawasan berbukit curam. dan kawaaan air bertakung tidak akan dimajukan; dan
- (iii) penggunaan sistem pembajaan yang lebih ekonomik iaitu melalui penggunaan baja tunggal bagi pokok dewasa dan penggunaan baja campuran bagi menggantikan baja granular.

Selain daripada langkah-langkah tersebut, FELDA juga akan melaksanakan pengurusan ladang secara commercial, dengan izin, bagi kawasan-kawasan baru, Di bawah kaedah ini, kawasan ladang adalah ditadbir oleh agensi pembangunan yang dikendalikan oleh Perbadanan Khidmat Pertanian atau agensi-agensi luar seperti Guthrie, umpamanya. Dalam siatem baru ini, peserta diberi hakmilik saham. Peserta jaga adalah pekerja ladang dan pekerja dibayar upah kerja atau gaji mengikut nilai kerja yang dilaksanakan. Pekerja juga dapat menikmati dividen jika projek berkenaan memperolehi keuntungan.

Bagi yang keduanya iaitu berkenaan dengan kos memproses Perbadanan Kilang FELDA sentiasa mengarabil langkah dan raembuat kajian dari masa ke seraasa untuk raengurangkan kos. Kadar kos memproses Perbadanan adalah berbeza dari masa ke semasa di antara \$26 hingga \$30 berbanding dengan kos kilang swasta di antara \$22 hingga \$35. Perbezaan kos memproses Perbadanan adalah disebabkan:

- (1) Perbadanan terpaksa membina kilang-kilang baru untuk memberi perkhidmatan memproses buah sawit walaupun pengeluaran buah sawit di kawasan-kawasan setempat masih tidak ekonomik untuk didirikan kilang di samping tiada kilang swasta yang berhampiran; dan
- (2) perbelanjaan meningkatkan teknologi kilang dengan mengganti dan mengubahsuaikan mesin-mesin dan jentera-jentera untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran dan kemampuan atau capacity kilang swasta serta mengurangkan kos pengeluaran.

Untuk makluman bersama, kos memproses Perbadanan telahpun menurun dari tahun 1987 hingga 1989 iaitu seperti yang akan saya sebutkan ini.

<b>Tahun</b>	<b>Kos memproses buah sawit setan</b>
1987	\$31.89
1988	\$29.14
1989	\$26.43

Berbanding dengan swasta iaitu di antara \$22.00 hingga \$35.00 setan.

**JURURAWAT PELATIH - PENGAMBILAN**

4. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Kesihatan menyatakan:
- (a) adakah. Kementerian menerima permohonan daripada pelbagai kaum apabila pengambilan jururawat diadakan dari masa ke semasa; dan
  - (b) apakah punca sebab paling ramai jururawat yang terlatih berhijrah kepada bidang swasta.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan pelatih jururawat adalah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan pihak berkenaan dalam menentukan dasar dan syarat-syarat kelayakan calon yang digunakan bagi pengambilan pelatih jururawat dari masa ke semasa.

Mengenai adakah terdapat permohonan daripada pelbagai kaum, saya dinyatakan di sini memang terdapat permohonan daripada pelbagai kaum yang memohon untuk mengikuti kursus jururawat. Ini adalah sejajar dengan tawaran adalah terbuka kepada warganegara Malaysia. Sebagai contoh dalam tahun 1989 sahaja seramai 5,316 orang Melayu yang telah memohon untuk mengikuti kursus jururawat pelatih; seramai 1,831 terdiri daripada keturunan Cina dan 721 daripada keturunan India. Ini adalah bilangan yang memohon untuk menjadi jururawat pelatih.

Tuan Yang di-Pertua, sebab utama mengapakah jururawat yang terlatih berhenti berkhidmat dengan Kerajaan untuk berkhidmat di bidang swasta ialah kerana mereka diberi gaji yang lebih sedikit dan keadaan bekerja yang secukup dengan kehendak-kehendak mereka.

#### KAUM PENAN - TUDUHAN PUTERA CHARLES

5. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sesudah Malaysia menghantar bantahan kepada Kerajaan British, bersabit dengan tuduhan Putera Charles bahawa "Pembunuhan Beramai-ramai" terhadap kaum Penan di Sarawak, apakah sikap dan hasrat tuduhan itu, dan bagaimanakah pula tindakan Malaysia terhadap Kerajaan British yang selalu saja meraandakan kecil dan mencuit perasaan rakyat seolah-olah terhina.

**Timbalan Menteri Loar [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memandang berat terhadap sebarang tuduhan yang meraburukkan nama baik negara tidak kira dalam apa jua isu sekalipun. Tuduhan Putera Charles yang Malaysia melakukan genocide, dengan izin, ke atas suku kaum Penan di Sarawak semasa memberi ucapan di Royal Botanical Garden, Kew pada 6hb Februari tahun ini bukan sahaja tidak berasas malahan tidak dapat diterima. Kerajaan telah dan sedang mengambil tindakan yang wajar bagi membetulkan tanggapan salah mengenai dasar Kerajaan ke atas pembalakan dan kebajikan suku kaum Penan di Sarawak.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abduillah:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dengar bahawa isu ini telahpun dijawab oleh Putera Charles mengatakan dia meminta maaf kerana dia tidak mendapat gambaran yang sebenar. Jadi, apakah Kerajaan kita berpuas hati dengan minta maaf yang kita baca dari akhbar-akhbar itu.

**Dato' Dr. Abdallah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya ada tiga rombongan yang berjumpa dengan pihak Kerajaan British tentang raasalah kenyataan Putera Charles. Yang pertama, Dato' Seri Najib sendiri, Menteri Belia dan Sukan yang berada di England ketika itu berjumpa dengan rakan sejawatnya yang mana rakan sejawatnya menyatakan bahawasanya itu adalah pendapat Putera Charles sendiri dan bukannya pendapat Kerajaan British.

Yang keduanya, satu rombongan daripada Pemuda UMNO telahpun juga berjumpa dengan Ketua Setiausaha Sulit kepada Putera Charles dan mengatakan mereka agak tersilaplah dengan memasukkan perkataan "genocide" itu dalam satu paragraf sama yang ditujukan kepada kaum yang lain di Amerika Selatan. Setiausaha Tetap Kementerian Luar juga telah. dapat berjurapa dengan Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Hal Ehwal Luar Britain di mana mereka telahpun menyampaikan perasaan kesal dan merainta maaf bagi pihak Kerajaan British kepada Kerajaan Malaysia. Saya ingin juga menyatakan bahawasanya pada esok hari, Pesuruhjaya Tinggi Britain akan berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menterr kita sendiri di mana isu ini juga akan dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tunggulah hasilnya mungkin disiarkan untuk pengetahuan awam.

#### SYARIKAT PENERBANGAN SWASTA YANG DILESENKAN

6. **Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan syarikat penerbangan swasta yang dilisenkan untuk menjalankan penerbangan dalam negeri sekarang, nama syarikat, jumlah modal, jenis pesawat yang digunakan dan destinasi penerbangan masing-masing.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan syarikat-syarikat penerbangan swasta yang dilesenkan untuk menjalankan penerbangan dalam negeri pada masa ini adalah sebanyak 12 buah syarikat. Dari jumlah tersebut, sebanyak 10 buah syarikat telah diluluskan permit perkhidmatan udara tidak berjadual. Syarikat-syarikattersebut adalah seperti berikut:

- (1) Malaysian Helicopter Services Bhd;
- (2) Hornbil Skyways Sdn, Bhd.;
- C3) Pan Malaysian Air Transport Sdn. Bhd.;
- (4) Aerospray & Transportation Coramercial Services Sdn. Bhd.;
- (5) Penerbangan Sabah Sdn. Bhd.;
- (6) Airfoto;
- (7) Wira Kris Udara Sdn. Bhd.;
- (8) Boskym Udara Sdn. Bhd.;
- (9) Pan Malaysian'Aerial Applicators Sdn. Bhd.; dan
- (10) Malaysian Flying Academy

Dua buah syarikat iaitu Sitera Penerbangan Malaysia (MAS) dan Pelangi Air Sdn. Bhd. telah dilesenkan untuk menyediakan perkhidmatan udara dalara negeri secara berjadual.

Jumlah modal berbayar bagi MAS dan Pelangi ialah sebanyak \$350,000,001.00 dan \$3,000,000 masing-masing, Bagi syarikat-syarikat tidak berjadual, jumlah modal berbayar berbeaa di antara \$15,000,004.00 hingga \$30,000,000.00.

Secara amnya, MAS menggunakan pesawat-pesawat kecilnya seperti Boeing 737, Pokker 50, Fokker 27 dan Twin Otter untuk perkhidmatan dalam negeri. Bagaimanapun, masa kesesakan MAS ada juga menggunakan pesawat-pesawat besarnya seperti Boeing 747, Airbus dan DC-10. Sementara Syarikat Penerbangan Pelangi Air Sdn. Bhd. ada menggunakan pesawat-pesawat kecil seperti Donier dan Twin Otter untuk pengangkutan penumpang berjadual.

Bagi kebanyakan syarikat-syarikat tidak berjadual, mereka menggunakan pesawat-pesawat kecil bersayap tetap dan juga helikopter. MAS menjalankan perkhidmatan udara berjadual di antara semua lapangan terbang di Malaysia. Sementara itu, operasi Pelangi Air pada ketika ini lebih terturapo kepada lapangan-lapangan terbang kecil di Seraenanjung Malaysia seperti Melaka, Pulau Tioman, Sitiawan, Taman Negara dan yang lain-lain.

Bagi syarikat-syarikat tidak berjadual, secara amnya mereka dibenar menjalankan perkhidmatan udara tidak berjadual di seluruh Malaysia. Di antara operasi yang dijalankan termasuklah sewa khas penumpang dan kargo, pengambilan gambar dan survey dari udara, perabajaan dan penyemburan kiraia dari udara, kerja-kerja pemetaan, kerja-kerja surveillance dan latihan juruterbang.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sepanjang tahun 1989 adakah sebarang kemalangan yang berlaku dengan pesawat-pesawat di bawah syarikat-syarikat swasta itu?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha biati Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kemalangan yang raengorbankan nyawa, mungkin ada kemalangan sedikit, mungkin tayar dan sebagainya, itu sahaja.

#### INPRASTRUKTUR DI ESTET

7.. **Tuan V. K. Sellappan** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan satna ada usaha-usaha memperbaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur asas di kawasan-kawasan luar bandar akan melibatkan kawasan-kawasan estet. Adakah peruntukan sbanyak \$452 juta yang disediakan untuk melaksanakan projek belakan air akan juga melibatkan kawasan-kawasan perumahan di estet.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Mohamed bin Jamrah]:** Tuan Yang di-Pertua, penyediaan kemudahan asas di estet-estet adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan estet itu sendiri. Oleh itu peruntukan yang dimaksudkan itu tidak melibatkan kawasan-kawasan estet. Walau bagaimanapan, Kerajaan telah mengambil perhatian mengenai masalah-masalah yang dibangkitkan berhubung dengan infrastruktur di estet-estet.

Sebuah jawatankuasa mengenai keraudahan asas telah ditubuhkan baru-baru ini di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi meneliti masalah-masalah berkenaan.

**Taan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, di daerah ini ada sebilangan besar ladang-ladang yang pecahjual atau fragmented estate, dengan izin, tanpa ada kemudahan-kemudahan asas seperti air. Air masih digunakan air telaga dan air kolam. Api masih lagi menggunakan lampu minyak tanah dan murid-murid terpaksa pergi ke sekolah lebih kurang sepuluh batu dan juga perubatan tidak ada langsung. Saya ingin tahu bolehkah Kementerian Yang Berhormat menimbangkan ladang-ladang pecahjual ini dimasukkan seperti di kawasan luar bandar untuk menikmati kemudahan-kemudahan seperti rakyat yang lain dapat?



**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira kalau kawasan fragmented estate **ini**, mereka membuat permohonan infrastruktur akan diberikan pertimbangan, tetapi bagi masalah keseluruhannya di ladang-ladang, satu Jawatankuasa telahpun ditubuhkan untuk membuat kajian berkenaan dengan pembekalan infrastruktur di kawasan-kawasan ladang-ladang.

#### POSTER PEMBANGKANG DI TIANG LAMPU

**8. Dr. Nawawi bin Mat Awin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa poster-poster perabangkang terdapat dipasang secara meluas di tiang-tiang lampu dan di tempat-tempat awam dalam negara ini seolah-olah pilihanraya sudah diumumkan, sama ada beliau berpendapat ini bertentangan dengan undang-undang dan jika begitu apakah tindakan yang sudah atau akan diambil.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Menteri Dalam Negeri.

Akibah terlampau banyak poster-poster di merata ceruk terutama di sekitar jalanraya sehingga ke atas jalanraya, saya tidak pasti apakah benar atau tidak ada cerita-cerita yang mengatakan ada di antara pelancong-pelancong kita yang datang melawat ke Malaysia kerana berjayanya program Kerajaan untuk mengadakan rancangan Tahun Malawat Malaysia atau Visit Malaysia Year, dengan Izin, Tuan Yang di-Pertua sehingga pelancong-pelancong terasa keliru dengan tanda-tanda jalan sebab bila didapati terserempak dengan tanda menunjukkan had laju tidak boleh melebihi 50 kilometer sejam, tiba-tiba selepas daripada sign atau tanda ini tidak sampai pun sepuluh ela ada pula satu tanda lagi yang menunjukkan 46 sahaja, bukan 50 sehingga menyebabkan seringkali pelancong-pelancong ini melakukan brake dengan secara emergency.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga masih belum bertanya dengan Yang Berhormat Datuk Seri Sanusi Junid sama ada beliau menghadapi masalah kekurangan untuk mendapatkan tayar-tayar yang sudah terpakai bagi mengadakan lagoon di dalam laut untuk membiakkan ikan-ikan bagi kepentingan kaum nelayan kita kerana sekarang ini tayar buruk sudah banyak benar digunakan untuk hiasan kononnya di tepi-tepi jalan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menarapal poster-poster keatas harta benda awam dengan tanpa izin boleh dikenakan denda ataupun hukuman penjara tidak lebih setahun atau dengan denda yang tidak melebihi \$1,000.00 atau kedua-dua sekali mengikut Seksyeti 15(2)(a)-(c). Manakala Undang-undang Kesalahan Kecil (Akta 336) jika didapati sabit oleh pihak mahkaraah, tindakan yang patut diambil adalah. melalui saman terhadap orang-orang yang melakukan kesalahan tersebut setelah menentukan orang-orang yang menampalkan poster-poster yang berkenaan.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan siapakah yang patut mengambil tindakan menyaman pihak-pihak ini kerana poster-poster ini ditampal mungkin berlaku dalam kawasan Majlis Perbandaran, bandaraya ataupun Majlis Daerah?

**Datuk Haji Hussein bin Ahmad** Tuan. Yang di-Pertua, satu arahan telah dikeluarkan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mengambil tindakan kepada masalah yang dihadapi ini,

**Dr. Nawawi bin Mat Awin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas jawapan yang begitu sedap didengar daripada Yang Berhorraat Timbalan Menteri, tetapi soalan saya lebih tepat daripada itu, iaitu adakah Menteri Dalam Negeri sedar.bahawa poster-poster Pembangkang terdapat dipasang merata-rata dan sama ada beliau berpendapat. ini bertentangan dangan undang-undang dan jika begitu apakah tindakan yang sudah atau akan diambil? Ini soalan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jelaskan tadi, menampal poster di tempat awam mengikut Seksyen 15(2)(a)-(c) adalah salah dan boleh dihukum tidak melebihi setahun penjara atau denda \$1,000.00 atau kedua-dua sekali. Manakala mengikut Akta 336, apakala disabitkan. oleh pihak mahkamah mereka boleh dihukum setelah disaman oleh pihak yang berkenaan dan saya juga telah jelaskaa di atas soalan tambahan sebentar tadi, satu arahan telah diberi kepada semua pihak yang berkenaan termasuklah LLN, kuasa-kuasa tempatan, Majlis-majlis Perbandaran supaya mengambil tindakan di atas apa yang kita hadapi itu.

**Tuan Tan Choog Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi penjelasan berkenaan dengan seksyen ini dan seksyen itu dalam segi undang-undang, tetapi nampaknya setakat ini adakah orang ramai ataupun orang-orang yang berkaitan dihukum atas seksyen-seksyen itu? Saya hendak tahu adakah kes-kes yang kena hukum dan dipenjarakan.

**Datuk Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada terdapat orang-orang yang dihukum dengan masalah berhubung dengan soalan ini. Namun demikian, tindakan sedang diarahkan sebagaimana yang telah saya jelaskari berpandukan kepada arahan pekeliling yang telah diberikan.

#### MALAYSIA SEBAGAI NEGARA INDUSTRI BARU (NIC)

**9. Tuan G Rajoo** . minta Perdana Menteri menyatakan polisi Kerajaan bagi membolehkan Malaysia mencapai taraf Negara Industri Baru (NIC) dalam .dekad yang akan datang berikutan dengan perubahan fikiran tentang status NIC baru-baru ini. Nyatakan juga apakah rasionalnya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman

Yang Berhormat, soalan mengenai NIC telah beberapa kali dikemukakan beserta dengan penerangan mengenai pendirian Kerajaan berhubung dengan NIC dengan jelasnya. Sehingga kini, pendirian kita masih belum berubah, iaitu kita tidaklah bercadang untuk mengheboh-hebohkan bahawa kita akan menjadikan negara ini sebagai sebuah negara NIC di masa akan datang.

Apa yang lebih penting bagi kita ialah keupayaan dan kesungguhan kita menguruskan ekonomi negara ini tanpa desakan dan tekanan asing. Kebolehan kita mewujudkan struktur ekonomi yang kukuh, mampu bersaing dengan lain-lain ekonomi di dalam bidang pasaran antarabangsa dan kejayaan kita menghasilkan kestabilan ekonomi, mewujudkan banyak peluang pekerjaan untuk mengurangkan pengangguran serta keupayaan kita mencapai matlamat perpaduan dan kesejahteraan rakyat Malaysia adalah jauh lebih penting.

Dalam usaha kita mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat, perlulah kita mempertingkatkan pembangunan industri di negara ini, tetapi peningkatan pembangunan industri kita itu tidaklah bermakna kita hendak menjadikan negara ini sebagai NIC.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ringkas sahaja iaitu dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apa baiknya dan apa pula yang tidak baiknya kalau Malaysia mencapai taraf negara industri baru ini dan sebaliknya apa bula baiknya dan tidak baiknya kalau kita masih tinggal di tahap yang lama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya fikir soalan ini menimbulkan buah fikiran sahaja, maka tidak payah menjawabnya.

## BIRO PENGADUAN AWAM - ADUAN

10. **Tuan Tan Chai Ho** minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak Biro Pengaduan Awam juga memberi bantuan kepada orang ramai mengenai masalah-masalah yang lain yang tidak bersangkutan-paut dengan jentera Kerajaan. Ini adalah kerana tugas Biro Pengaduan Awam adalah untuk meningkatkan keberkesanan jentera pentadbiran Kerajaan dan menerima aduan-aduan orang ramai yang berkaitan dengan perjalanan jentera Pentadbiran Kerajaan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dr. Ting Chew Peh]:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun Biro Pengaduan Awam ditubuhkan untuk mengendalikan aduan-aduan terhadap jentera pentadbiran Kerajaan, tetapi sebagai khidmat sampingan, Biro ini juga memberi bantuan dalam bentuk nasihat dan tunjuk ajar kepada orang ramai yang menghadapi masalah dalam berbagai bidang seperti urusan dengan badan-badan profesional, pemaju-pemaja perumahan, syarikat-syarikat insurans dan koperasi.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah cadangan daripada Jabatan Perdana Menteri untuk menubuhkan cawangan-cawangan Biro Perkhidmatan Awam di negeri-negeri.

**Dr. Tin Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menubuhkan cawangan Biro Pengaduan Awam di peringkat Negeri sedang diteliti oleh Kerajaan dan secara kebetulan litaran Biro Pengaduan Awam yang sedang dijalankan merupakan satu pilot project, dengan ini, antara lain untuk mengkaji sarabutan orang ramai sama ada perkhidmatan Biro Pengaduan Awam di peringkat negeri itu di perlukan dan litaran tersebut meliputi kawasan bandar dan kawasan luar bandar.

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kami dimaklumkan bahawa banyak kes-kes aduan yang telah diterima oleh pihak Biro Pengaduan Awam tidak dapat diselesaikan. Oleh itu, saya ingin tahu berapakah bilangan kes aduan yang tersebut tidak dapat diselesaikan dan beri sebab-sebabnya.

**Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, kebanyakan aduan yang diteriraa oleh Biro Pengaduan itu dapat diselesaikan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberikan angka-angka bagi beberapa tahun kebelakangan ini, iaitu, bagi tahun 1985 sejumlah 1,506 aduan diterima terhadap jentera perkhidmatan awam dan gebanyak 1,498 ataupun 99% diselesaikan. Bagi tahun 1986, sebanyak 1,667 aduan diterima dan sebanyak 1,638 ataupun 98% diselesaikan dan bagi tahun 1987 sebanyak 1,197 aduan diterima dan 1,140 ataupun 95.2% diselesaikan. Bagi tahun 1988 sebanyak 1,130 aduan diterima dan 929 aduan ataupun 82% diselesaikan dan bagi tahun 1989 sebanyak 1,817 kes diterima dan 1,144 ataupun 63% diselesaikan.

Bagi kes-kes yang tidak diselesaikan, misalnya bagi tahun 1989, kita masih dalam proses untuk menyelesaikannya, tetapi kea-kes yang lain ada kalanya kerana tidak cukup butir ataupun tidak cukup dokumen yang diberikan, maka tidak dapat kita selesaikan masalah itu.

**Tuan Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Saya ingin tanya Yang Berhbrmat Timbalan Menteri, apakah benar atau tidak apabila Biro Pengaduan Awam baru-baru ini melawat Kuantan, hanya dua, tiga kes pengaduan awam yang diterima, dan kalau benar, apakah implikasinya.

**Dr. Ting Chew Peh:** Sebenamya, litaran Biro Pengaduan Awam baharu melawat Kuantan dua, tiga hari dahulu dan didapati cuma 7 ataupun 8 kes aduan diterima dan pihak Biro Pengaduan Awam masih mengkaji apakah sebab-sebabnya begitu sedikit kes yang dikemukakan, barangkali kerana di tempat itu tidak mempunyai masalah.

**KEMAIANGAN JAIAN RAYA**

11. **Tuan Haji Ibrahim bin Jendol** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) bilangan kemalangan jalan raya yang telah berlaku dan jumlah korban dalam tempoh 5 tahun ini di sepanjang labuh-raya;
- (b) di lokasi manakah yang paling kerap 'berlakunya' keraalangan tersebut dan mengapa; dan
- (c) apakah langkah yang telah dan sedang diambil bagi mengelakkan berlakunya lagi kemalangan-kemalangan di lebuh-raya berkenaan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengambil masa sedikit kerana jawapannya panjang, sebab Yang Berhormat bertanya kisah 5 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, (a) pihak Polis tidak dapat mengeraukakan data kemalangan dan korban akibat kemalangan jalanraya berdasarkan di lokasi lebuh-raya sahaja. Walau bagaimanapun, jomlah keraalangan dan korban bagi tempoh 4 tahun 10 bulan adalah 372,626 kemalangan, di mana seramai 16,914 orang telah menjadi korban menghadapi maut dalam tempoh tersebut.

Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut.

Tahun	Kemalangan	Mati
1985	82,059	3,603.
1986	79,804	3,525.
1987	76,882	3,320.
1988	72,250	3,335.
1989 (Jan-Okt.)	62,631	3,131.

(b) Pihak Kementerian Kerjaraya telah mengenalpasti 200 kawasan kemalangan jalanraya di seluruh negara . Di antara kawasan yang mencatatkan kemalangan yang paling tinggi adalah Jalan Ipoh - Kuala Lumpur (km 35.4 - km 40.2); Jalan Air Hitam - Batu Pahat (km 118.4 - km 123.2); Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak (km 30 - km 34); Jalan Kuala Selangor - Tanjong Karang - Jalan Bachang - Malim (km 1.6 - km 5); Jalan Kuala Trengganu - Kota Bharu (km 3.2 - km 4.2); Jalan Pontian - Batu Pahat (km 116.8 - km 121.6); Jalan Seremban - Port Dickson (km 5 - km 11); Jalan Kepala Batas - Jitra (km 20.8 - km 26.4);. dan Seluruh Lebuhraya Jitra - Changloon.

Majlis Keselamatan Jalanraya dan pihak-pihak yang terlibat telah mengambil langkah-langkah yang berikut untuk mengurangkan kadar kemalangan jalanraya di negara ini. Antaranya:-

- (a) Agensi-agensi penguatkuasaan, khususnya pihak Polis sentiasa mengadakan operasi "Berlari Laju" di tempat-tempat yang kerap berlakunya kemalangan jalanraya.
- (b) Menjalankan operasi "Saman Pemandu" kenderaan yang memotong di kawasan dua garisan berkembar.
- (c) Mengadakan rondaan dengan kereta peronda di lebuhraya-lebuhraya dan jalanraya-jalanraya yang sering berlaku kalangan.
- (d) Mengadakan pemereksaan mengejut.
- (e) Mengadakan lebih banyak operasi khas di kawasan-kawasan yang berkenaan dengan memberi tumpaan ke atas kesalahan-kesalahan yang boleh mengakibatkan kemalangan jalanraya.



Selain dari menggiatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan, Majlis Keselamatan Jalanraya juga sentiasa mengadakan ceramah, pameran, penyiaran maklumat/promosi melalui TV/Radio. Majlis Keselamatan Jalanraya Malaysia sedang dalara proses memajukan program keselamatan jalanraya di kalangan kanak-kanak sekolah berdasarkan prinsip bahawa pendidikan keselamatan jalanraya perlu disampaikan daripada peringkat umur yang awal lagi. Program ini termasuklah :

- (a) Penggubalan kurikulum pendidikan keselamatan jalanraya bagi kanak-kanak sekolah;
- (b) Memajukan aktiviti kelab keselamatan jalanraya di sekolah-sekolah.

Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telah menggubal kurikulum baru sekolah memandu yang akan menjamin pemandu-pemandu kenderaan bukan sahaja mahir memanda tetapi berpengetahuan mengelakkan kejadian kemalangan jalanraya di tnana penekanan adalah pada 'pemanduan berhemah (defensive driving) .

Satu lagi langkah yang penting ialah usaha penyelidikan untuk menentukan sebab-sebab berlakunya kemalangan jalanraya . Satu format baru bagi laporan kemalangan jalanraya yang dikenali sebagai Pol.27 (Pindaan 87) telah dilaksanakan sejak awal tahun ini dan akan dapat membekalkan data yang berguna untuk membantu usaha penyelidikan tersebut.

Kerajaan melalui Kementerian Kerjaraya sentiasa peka terhadap kadar kemalangan yang masih dianggap tinggi dengan membelanjakan ribuan juta ringgit untuk membina lebuh raya baru, membaiki jalan yang sedia ada, menambah papan-papan tanda yang bertujuan memberi amaran dan kenyataan ditempat-tempat yang perlu dan sentiasa cuba memperbaiki perabut jalan demi mengurangkan kemalangan dan memberi keselesaan kepada pengguna-pengguna jalanraya.

Kementerian Pengangkutan telah menyediakan satu kertas Kabinet untuk dipertimbangkan oleh Kabinet tidak lama lagi dan mungkin jawatankuasa akan ditubuhkan untuk nanti mengandungi pegawai-pegawai kanan Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kerjaraya, Kementerian Pendidikan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Penerangan, Kementerian Kehakiman dan jawatankuasa ini dirasakan amat perlu untuk sama-sama duduk, untuk menyumbangkan ke arah mengurangkan kadar kemalangan di jalanraya.

Maklumat-maklumat dari Lembaga Lebuh raya pula adalah seperti berikut:

Statistik kemalangan terperinci jalanraya di Lebuh raya Utara/Selatan dan Lebuh raya masih dalam proses dikemaskinikan. Ini adalah kerana kebanyakan lebuh raya itu baru siap dibina dan operasi pengurusan lalulintas atau, dengan izin, traffic management secara profesional baru dimulakan.

Walau bagaimanapun adalah nyata bahawa bilangan kemalangan di Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban misalnya, telah berkurangan dari tahun 1985, apabila kerja-kerja pembinaan persimpangan bertingkat di UPM, Kajang, Bangi, Nilai dan Seremban siap. Dengan siapnya persimpangan bertingkat itu juga telah tidak ada lagi kemalangan jenis head-on collision, dengan izin, di lebuhraya berkenaan dan telah berlaku pengurangan yang besar kemalangan yang mengorbankan nyawa di tempat yang sama.

Lokasi yang paling kerap berlaku kemalangan adalah di mana terdapatnya jalan lurus selepas selekoh, apabila pengguna cuba memotong. Selalunya masalah ini adalah disebabkan oleh pengguna lebuhraya yang tidak sabar dan sanggup menanggung risiko yang tinggi. Walau bagaimanapun, lebuhraya eripat lorong dengan pembahagi tengah seperti di Lebuhraya Utara/Selatan, kemalangan tidak tertumpu kepada mana-mana tempat tertentu dan bilangan adalah kurang dibandingkan dengan jalanraya biasa. Ada juga kemalangan disebabkan kenderaan berat yang membawa muatan yang berlebihan dan dengan itu mendapati sukar untuk mendaki cerun-cerun tinggi yang tertentu. Terdapat juga kemalangan disebabkan kereta terbabas kerana dipandu terlalu laju.

Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia telah mengarahkan pihak PLUS untuk mengadakan rondaan perkhidmatan, untuk menentakan Lebuhraya Utara/Selatan selamat digunakan dari masa ke semasa. Ini termasuklah untuk menentukan tanda-tanda amaran diletakkan secepat mungkin apabila berlaku kenderaan rosak dan kemalangan supaya pengguna-pengguna akan dapat berhati-hati apabila sampai ke tempat berlaku

kemalangan itu dan tidak menyebabkan kemalangan timpa tnenimpa.

Pihak PLUS juga telah diminta supaya menentukan lebuhraya sentiasa selamat dari barang-barang yang jatuh, yang menjadi penghalang di tengah jalan. Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia juga rnenyeliakan PLUS untuk menentukan bahawa kerosakan kepada perraukaan jalan dibaiki dengan segera supaya tidak ada sebarang potholea, dengan izi.n, yang boleh menjejaskan perjalanan kenderaaui

Di saniping itu pula pihak Polis Diraja Malaysia dan Unit Penguatkuasaan Lembaga Lebuhraya Malaysia membuat rondaan dari masa ke semasa dan menyaman kenderaan yang terlalu laju ataa membuat kesalahan-kesalahan lain di lebuhraya.

#### BUTA HURUF KANAK-KANAK DI LADANG

**12. Toan K. Sivalingam** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah Kerajaan sedar hampir 25% anak-anak di kebanyakan estet merupakan anak-anak yang buta huruf kerana keluarga mereka tidak mampu menghantar mereka ke sekolah ataupun memberhentikan mereka lebih awal sebelum tamat didikan sekolah rendah. Adakah Kerajaan bercadang untuk memulakan sebuah tabung khas demi membantu anak-anak dari keluarga seumpama **ini**.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar kenyataan Ahli Yang Berhormat itu yang menyatakan bahawg hampir 25% kanak-kanak di ladang-ladang adalah buta huruf. Berasaskan kepada maklumat .Kementerian Pendidikan pada keseluruhannya dari tahun 1982 hingga 1986, seramai 94.78% daripada jumlah kanak-kanak yang berumur 6 tahun hingga 11 tahun berada di sekolah-sekolah rendah biayaan atau bantuan Kerajaan. Ini bermakna cuma 5.22% daripada keseluruhannya kanak-kanak di dalam peringkat omur tersebut tidak berada di sekolah tersebut. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat,

jumlah 5.22% itu adalah terdiri daripada kanak-kanak dari semua kaum dan juga merangkuini kanak-kanak yang memasuki sekolah-sekolah swasta.

Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menubuhkan satu tabung khas bagi kanak-kanak di ladang-ladang. Setakat ini Kementerian Pendidikan telah pun mengambil langkah-langkah positif untuk membantu golongan yang kurang mampa menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Pada masa kini langkah-langkah yang kita jalankan adalah:

- (1) memberi bantuan buku teks kepada murid-murid yang memerlukan;
- (2) mengadakan rancangan makanan tambahan dan projek susu sekolah;
- (3) menyediakan perkhidmatan kesihatan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan;
- (4) mengekalkan pengwujudan sekolah-sekolah kurang seperti under enrol, sekolah di mana bilangan muridnya kurang dari 100. Mengekalkan sekolah ini yang tidak ekonomik supaya ia terus berfungsi sebagai sebuah sekolah. Ini adalah bertujuan supaya semua kanak-kanak berpeluang untuk mendapat pendidikan.

#### PENYAKIT AIDS DAH PUNCA JANGKITAN

**13. Dr. Ng Khok Kiung** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk melindungi para pegawai-pegawai perubatan termasuk jururawat, pembantu makmal dan semua yang terbabit dalam penjagaan pesakit-pesakit AIDS daripada dijangkiti penyakit tersebut; dan
- (b) jumlah kes pegawai perubatan yang dikesani mengidap penyakit AIDS dan punca jangkitannya.

**Tnan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua,

(a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk melindungi kakitangan perubatan yang menjaga pesakit-pesakit AIDS dari dijangkiti oleh virus AIDS adalah seperti berikut:-

- (i) Mengedarkan buku panduan, dengan izin 'Plan of Action for the Prevention and Control of AIDS, untuk kegunaan semua kakitangan perubatan dan kesihatan yang terlibat dalam pengurusan pesakit AIDS. Buku yang komprehensif ini mempunyai maklumat saintifik mengenai penyakit AIDS dan beberapa garis panduan tertentu seperti pemberitahuan, pengurusan pesakit, prosedur disinfeksi atau disinfection, dengan izin, prosedur pembuangan jarum dan picagari serta pengurusan mayat pesakit;
- (ii) maklumat saintifik mengenai perkembangan terbaru yang berkaitan dengan pengurusan pesakit-pesakit AIDS juga diedarkan dari masa ke semasa kepada kakitangan untuk makluman mereka;
- (iii) Kementerian juga telah memulakan satu program latihan komprehensif untuk melatih semua kakitangan yang

terlibat secara langsung mengenai penyakit AIDS dan tindakan pencegahan dan kawalan.

(b) Sehingga tarikh ini, belum ada pegawai perubatan yang dikeaan mengidap penyakit AIDS.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit keterangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, apakah ada kemungkinan jangkitan penyakit AIDS ini daripada pesakit kepada orang yang belum sakit melalui hingusnya, air matanya dan air ludahnya kerana ada kemungkinan orang-orang yang sakit AIDS ini akan membuat kucupan dengan mereka yang tidak sakit. Dan adakah kemungkinan nanah ataupun darah orang sakit AIDS ini boleh berjangkit kepada mereka yang belum terkena penyakit AIDS?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan ini jugalah saya telah memberi penjelasan yang panjang lebar berkenaan dengan cara-cara penyakit ini boleh berjangkit.

Jadi, ada dua cara besar. Pertama, ialah melalui darah, suntikan ataupun melalui sebaliknya cara-cara lain iaitu daripada seseorang yang mempunyai penyakit AIDS ataupun virus AIDS kepada seorang yang tidak terkena.

Kedua, ialah melalui perhubungan jantina ataupun persetubuhan heterosexual ataupun persetubuhan homosexual. Melalui pemindahan spennatozoa ataupun sebaliknya. Saya telahpun menjelaskan juga bahawa mungkin kalau seseorang itu mencium tidak mungkin dia terkena penyakit itu melainkan dengan probability yang begitu rendah bila seseorang itu melakukan very deep kissing. [Ketawa]

**Seorang Ahli:** Contoh [Ketawa]

Tidak boleh beri contoh. **[Ketawa]** Tetapi macam hingus daa sebagainya itu kita telahpun memastikan. tidak, tetapi kalau seseorang itu telah mati dan mungkin lendir badannya itu terkena, kemungkinan ada. Jadi oleh kerana itulah apabila seseorang yang kena penyakit itu meninggal dunia, kita mengambil seraua langkah, sarapaikan kuburnya sendiri pun kita disinfekt, sampaikan orang yang datang'melawat pun kita hadkan, kena pakai baju-baju yang khas untuk raenghindar daripada orang yang kena penyakit AIDS. Saya ingat cukuplah setakat itu.

#### RUMAH KOS RENDAH - KEKURANGAN

14. **Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah rancangan-ancangan Kerajaan untuk merabantu kekurangan ruraah-ruraah kos rendah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Puan Valli, sejak Rancangan Malaysia Kelima bagi pihak Kerajaan telah mengatur berbagai-bagai rancangan untuk mengatasi kekurangan rumah-rumah kos rendah ini yang dimaksudkan rumah-rumah yang berharga tidak melebihi \$25,000 seunit. Kepada pihak awara, Kerajaan telah melaksanakan beberapa program perumahan kos rendah seperti program perumahan awam kos rendah, program perumahan skim pembangunan tanah, program perumahan kakitangan awam, program perumahan kemasyarakatan agensi-agensi Kerajaan dan skim pertapakan dan kemudahan.



Kesungguhan Kerajaan bukan sahaja setakat bagi pihak sektor awam tetapi juga bagi pihak sektor swasta yang mana Kerajaan telah menggalakkan bagi pihak swasta untuk mendirikan rumah-rumah murah ini dengan diadakan suatu skema khas perumahan kos rendah yang mana bagi pihak swasta yang melaksanakan perumahan ini akan mendapat berbagai-bagai insentif dan galakan. agar rumah-rumah yang dibina itu harganya tidaklah melambung tinggi.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Puan, setakat dalam Rancangan Malaysia Kelima ini sebanyak 495,000 unit rumah kos rendah. telah dilaksanakan melalui sektor awam dan juga pihak swasta.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan yang akhir sekali, Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang.

#### PAKAIAN ARTIS-ARTIS

15. **Tuan Mastafa bin Awang** minta Menteri Penerangan menyatakan sejauh mana usaha sedang dibuat bagi mewujudkan beberapa garis panduan tata tertib kepada para artis yang menjolok mata bila mana mereka ini diberi peluang menyanyi dan menari di RTM. Dan apakah dengan Nada Budaya itulah sahaja RTM memikirkan telah cukup bagi mengimbas kembali Lagu-lagu Melayu Asli yang sepatutnya setiap hari/malam di RTM.

**Setiausaha Parlimen Keraenterian Penerangan [Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, RTM memang telahpun mempunyai garis panduan untuk meraastikan susunan dan kandungan rancangan-rancangan untuk siaraya sesuai dengan keperluan masyarakat dan negara. Garis panduan ini meliputi aspek penerbitan dan tata tertib yang merangkumi kod pakaian dan riarabut bagi artis-artis lelaki dan wanita. Garis-garis panduan ini merangkumi semua perkara yang dibolehkan dan yang dilarang untuk siaran. Sekiranya ada artis

yang tidak mematuhi garis panduan penerbitan dan tata tertib persembahan. di televisyen seperti yang telah ditetapkan, tindakan terpaksa diambil untuk mengecualikan mereka dari pertunjukan-pertunjukan tertentu sehingga mereka sanggup mematuhi garis panduan itu.

Mengenai Lagu-lagu Melayu Asli, RTM sentiasa berusaha untuk memperbanyakkan pengenalan budaya tradisi melalui Radio dan TV. Ini khususnya dilakukan melalui rancangan-rancangan bercorak tradisional seperti Nada Budaya, Pesta Dendang Rakyat, Gema Budaya, Sastera dan Budaya, Keroncong dan sebagainya. Selain itu, lagu-lagu Melayu Asli juga diselitkan di antara rancangan harian radio seperti Senandung Malam, Alunan Senja dan Aneka Irama serta siaran melalui Suara Malaysia.

Unsur-unsur tradisi seperti tarian-tarian budaya, peradaban yang bersopan santun, sikap hormat-menghormati terutama di hadapan orang-orang yang lebih tua dan tutur bahasa yang lebih baik sentiasa diutamakan dalam rancangan-rancangan Radio dan TV, khususnya berbentuk drama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa untuk soalan sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Soalan No.16 hingga 52 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA  
(LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [23hb Mac, 1990]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjeraput Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya menyambung ucapannya, silakan.

3.35 ptg.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana saya diberikan peluang untuk menyambung ucapan saya.

Semasa Dewan ini ditangguhkan pada hari Jumaat yang sudah, saya sedang bercakap berkenaan dengan pengedaran dadah, bekalan dadah, dan juga undang-undang yang telahpun diadakan oleh Kerajaan terhadap pengedar-pengedar dadah yang kuat, yang ketat dan yang begitu bersungguh-sungguh untuk membasini pengedaran dadah, tetapi bekalan dadah masih jaga diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat ataupun janganlah menganggap bahawa ucapan saya ini menidakkan usaha-usaha yang dibuat oleh pihak penguakuasa, umpamanya Polis, Pasukan Petugas Anti Dadah atau Unit Pencegah Penyeludupan dalam usaha mereka untuk merampas dadah. Kita dapat melihat laporan-laporan yang dimuatkan di akhbar-akhbar bagaimana mereka bertindak dan merampas jumlah dadah yang banyak dari semasa ke semasa, tetapi dadah itu masih juga lagi dapat diedarkan oleh pengedar-pengedarnya.

Tuan Yang di-Petua, saya sukalah sekali lagi memetik satu kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri baru-baru ini raengatakan bahawa daripada penyiasatan yang dibuat oleh pegawai-pegawai penyiasat didapati bahawa kilang-kilang, ladang-ladang yang memproses dadah di kawasan tiga segi emas meningkatkan pengeluarannya (production) di mana biasanya mengikut laporan itu mereka mengeluarkan 2,400 kilogram setahun, pada tahun 1990 ini mereka telah meningkatkan kepada 3,000 kilogram setahun dan ini menambahkan 600 kilogram daripada biasa dan ada kemungkinan tambahan ini akan dilonggokkan di negara kita. Apabila ditanya oleh seorang pemberita akhbar bagaimanakah banyaknya dadah itu di negara kita, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tidak menjawab dengan tepat, tetapi mengatakan bahawa setiap 100 kilogram yang kita rampas, ada lagi 900 kilogram yang tidak dapat dikesan dan dapat dijual lebih bebas di negara kita. Ertinya bahawa dadah-dadah yang datang ke negara kita ini yang hanya dapat kita rampas, kita tangkap hanya 10% dan 90% lagi masih bebas dan terlepas daripada tangkapan kita. Ini satu keadaan yang sangat-sangat membimbangkan kita bagaimana dadah-dadah ini dapat dijual, dibekalkan kepada pengedar-pengedar dadah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan pada hari Jumaat bahawa yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan membanteras dadah di daerah saya sendiri, saya selalu berunding dengan Pegawai Polis Cawangan Anti Dadah yang menjalankan tugas merampas dadah dan baru-baru ini beliau raenyatakan bahawa beliau sendiri merasa satu keganjilan, tidak seperti biasa, seolah-olah dia main tangkap ibu dengan pengedar dadah itii, dia kejar ke sana, dia lari ke sini, kejar sini lari ke sana dan akhir-akhir ini pula suatu cara baru yang telah dibuat oleh pengedar-pengedar dadah ini menggunakan

belia-belua yang di bawah umur 20 tahun. Artinya kalau mereka ini ditangkap, hanya dapat didakwa di bawah juvena atau pasal kod yang terlepas daripada hukuman 39B dan sebagainya. Ini juga dalam bentuk yang lain, bukan lagi dalam bentuk tiub tetapi dalam bentuk pakej dan ditangkap dalam bungkusan yang bentuk paun, bukan kilogram, tetapi bentuk paun yang begitu meluas, begitu membimbangkan. Jadi dengan keadaan inilah yang saya sebutkan tadi, dengan bekalan-bekalan dadah, dengan tindakan-tindakan yang sungguh-sungguh kita buat oleh pihak penguatkuasa, tetapi bekalan ini masih terlepas lagi, yang dapat kita tangkap, kita rampas hanya 10% daripada anggapan yang datang ke negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam semangat kumpulan negara-negara ASEAN termasuk Malaysia, Thailand dan lain-lain negara dan kebetulan pula pengedaran dadah atau proses dadah ini berada di serapadan Thailand, Burma dan Laos, apakah telah dibuat satu pemaufakatan dengan negara-negara yang terlibat supaya diambil satu persetujuan ladang-ladang dadah atau kilang memproses dadah ini dapat diambil tindakan dan dimusnahkan sebagaimana telah berlaku di kebanyakan negara di Selatan Amerika untuk menghapuskan sama sekali pengeluaran dadah ini dengan semangat kerjasama negara-negara ASEAN yang kita salah seorang menjadi anggota dalam ASEAN itu.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang dadah **ini**, saya suka sekali lagi mengambil keserapatan ini kepada kenyataan yang saya baca itu. Saya menyebut dahulu ada tiga kumpulan yang saya hendak bicarakan dalam Akta ini pengedar, penagih dan anggota masyarakat. Kenyataan yang saya baca menunjukkan bahawa pada hari ini ada seramai 145,000 penagih dadah yang telah didaftarkan. Mengikut kajian yang dibuat oleh Bahagian Salahguna Dadah dan Pengedaran Dadah Bangsa-bangsa Bersatu dan lain-lain agensi yang raerbuat penyiasatan menunjukkan bahawa bagi setiap seorang yang kita daftarkan masih ada lagi sekurang-kurangnya lima orang yang belum didaftarkan. Kalau angka ini kita darabkan dengan 140,000, bererti ada 700,000 penagih-penagih dadah anak bangsa kita di negara ini. Ini suatu angka yang cukup besar jika dibandingkan dengan negara-negara lain berpandukan kepada bilangan penduduk negara kita, dan 65% daripada mereka ini adalah berumur di bawah 30 tahun, yakni belia, pemuda

yang kita harapkan, yang menjadi harapan. kepada ibubapanya, untuk menjadi anak berguna dan berjasa, yang diharapkan oleh masyarakat untuk menjadi perampin di wilayah, di daerah mereka, yang diharapkan. oleh negara untuk mewaris kepemimpinan pada masa yang akan datang, sesuai dengan haarat kita melalui Dasar Ekonomi Baru untuk melatih sebanyak mungkin anak-anak muda kifca yang berilmu dan yang berkemahiran, tetapi mereka telahpun dicegah di tengah jalan oleh pengedar-pengedar dadah dengan terlibat dengan dadah. Keadaan ini akan bertambah besar jika sekiranya kita tidak dapat mengawal dengan secepat mungkin pengedar-pengedar dadah ini.

Saya suka mengambil satu contoh, urapamanya air sungai yang mengalir ada puncanya, ada hulunya. Kalau kumpulan, ada ketuanya. Jadi, kalau kita menangkap orang di bawah sahaja, tidak sampai ke puncanya, mubgkin ini kita tidak dapat membanteras sama sekali. Oleh itu, yang paling penting hari ini sebelum benda ini lebih menggugat kepada negara kita, kerana ia bukan lagi masalah kebajikan atau masalah-masalah lain, tetapi masalah yang boleh menggugat keselamatan negara dan kemajuan negara kita pada masa akan datang, punca inilah yang patut dikesan. Saya berharap Kerajaan tidak akan beragak-agak jika sekiranya punca ini benar-benar diketahui untuk mengambil tindakan yang segera dan berkesan supaya pengaliran ini dapat ditutup dan dapat dibanteras agar kita dapat mencegah anak-anak muda kita terlibat dengan dadah,

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita, saya katakan, ialah satu Kerajaan yang sangat bertimbangrasa kepada rakyatnya. Umpamanya, dalam membaikpulih penagih dadah ini, Kerajaan mengadakan pusat-pusat pemulihan dadah yang mana hari ini ada 12 telahpun beroperasi, 7 lagi sedang dalam pembinaan, untuk membaikpulih anak-anak kita yang terlibat dengan dadah **ini**.

Mengikut kenyataan yang dikeluarkan baru-baru ini oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, perbelanjaan Kerajaan setahun untuk membaikpulih penagih-penagih dadah ini menjangkau kepada \$600 juta setahun. Ini adalah satu kumpulan wang yang banyak untuk membaikpulih penagih-penagih dadah ini. Tetapi hasil kejayaannya mengikut kenyataan yang dikeluarkan baru-baru ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri ialah 31.4%. Masih ada hampir 70% yang tidak dapat kita selesaikan atau yang tidak dapat dipulih semula dan yang kebanyakannya mengulangi tabiatnya untuk jadi penagih,

Saya juga sebagai salah seorang terlibat dengan masalah dadah ini dan menjadi Pengerusi PEMADAM di peringkat daerah lebih daripada 10 tahun, inilah masalah yang cukup susah untuk mengatasinya. Apabila penagih-penagih dadah ini ditangkap, atas perintah mahkamah dihantar ke pusat pemulihan dan dirawat di sana selama-lama yang boleh iaitu dua tahun yang maksima atau mungkin di bawah itu. Mereka dilatih, dibetulkan dibaiki dan dalam keadaan sihat, bila mereka keluar dan balik kepada masyarakat di kampungnya, anggota masyarakat tidak dapat menerimanya semula. Kebanyakannya takut kepada mereka ini kerana sebelum mereka ditangkap banyak kejadian-kejadian jenayah kecil yang berlaku di kampungnya telah dilakukan oleh penagih-penagih dadah ini. Apabila mereka ini keluar, kebanyakan anggota masyarakat tidak mahu menerimanya, dan mereka kesunyian terpencilan. Kawan-kawan lama tidak mahu mendekati kumpulan penagih dadah yang dibebaskan ini. Dalam tempoh yang sekejap, satu bulan, dua bulan datanglah semula kawan-kawan yang dahulu sama-sama penagih, datang pula semula pengedar-pengedar dadah untuk mendekatinya dan akhirnya bekas penagih dadah ini akan menagih dadah semula dan ditangkap dan dimasukkan ke pusat-pusat pemulihan atau penjara.



Pada pendapat saya, keadaan masyarakat kita sekarang ini kebanyakannya tidak dapat memberikan kerjasama dan sebahagian besarnya ada satu sikap 'tidak ambil kisah atas hal orang lain.' Kalau anak orang lain kena dadah, dia tidak ambil kisah, tidak mahu membantu, tidak mahu menolong. Kita ajak mereka masukkannya dalam pertubuhan, mereka tidak mahu, lebih-lebih lagi masyarakat yang tinggal dalam bandar, kadang-kadang jiran yang tinggal di sebelah rumahnya mereka tidak kenal. Apatah lagi dalam kumpulan-kumpulan yang saya sebutkan tadi. Ini mendatangkan satu beban kepada Kerajaan, beban kepada pemimpin masyarakat dan melibatkan wang Kerajaan yang banyak. Usaha-usaha ke arah ini tidak berhenti-henti diusahakan, diikhtiarkan, tetapi hasilnya masih belum lagi dapat kita banggakan hinggalah ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada, penagih-penagih dadah ini saka saya menyatakan terdapat daripada anak-anak orang Islam di mana ibu-bapanya orang Islam, tinggal di kampung orang Islam, tetapi di manakah salahnya. Sepatutnya anak-anak orang Islam ini dididik dan juga yang beragama lain pun dididik, supaya mereka tahu mana yang baik, mana yang tidak baik, mana yang boleh dilakukan dan tidak boleh dilakukan, mana yang boleh menjadi kebaikan boleh atau memusnahkan diri dan, dalam bahasa agama Islam, tahu halal dan haram. Tetapi malangnya sekali sebahagian besar daripada penagih-penagih dadah yang menjadi hina dengan dadah ini adalah anak-anak orang Islam. Oleh itu, saya berharaplah kepada ahli-ahli agama, ulama-ulama yang benar-benar faham dengan Islam ini, dapat memainkan peranan supaya dapat memberi petunjuk kepada mereka ini di mana salah dan baik, halal dan haram dan untuk kita lakukan satu yang menjadi kebaikan dan tidak musnahkan diri mereka.

Saya mengakai bahawa ada khutbah-khutbah Jumaat yang dibacakan, kadang-kadang aampai dua kali sebulan di masjid-masjid berkenaan dengan keburukan penagihan dadah, tetapi yang datang itu kebanyakannya bukanlah penagih, dadah kerana yang sembahyang Jumaat itu ialah orang baik-baik. Penagih-penagih dadah jarang-jarang datang bersembahyang Jumaat. Jadi, apakah satu lagi usaha yang patut dibuat oleh Jabatan-jabatan Agama Islam dalam memberikan penerangan kepada mereka ini supaya sampai kepada mereka, supaya mereka pulih betul-betul semula, sedar kepada diri mereka sendiri.

Saya mengakui bahawa di pusat-pusat pemulihan ada kuliah-kuliah atau pengajaran agama diberikan tetapi sekadar mengajar untuk tahu rukun-rukun sembahyang, rukun iman dan sebagainya. Sepatutnya bidang-bidang ini harus ditambah lagi supaya menginsafkan benar-benar mereka ini akan dirinya sendiri, mengenal diri dia dan agama dia, daripada mana dia datang dan kemana dia akan pergi. Untuk itu diharap dapat dia sedar semula, menginsafi dirinya dan tidak terlibat semula dengan penagihan dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak orang tak tahu bagaimana azabnya kalau ada dalam satu famili itu yang terlibat dengan dadah. Bagaimana susahnja menjaga dan mengawalnja, bagaimana keadaan rupa anak itu nanti yang terlibat dengan dadah, seolah-olah merupakan Suatu badan, minta maaf saya menggunakan bahasa yang tidak baik sedikit, seolah-oleh seperti seorang yang telah mati dan tidak dijangka dapat hidup semula. Inilah yang hendak dihidupkan oleh badan-badan sukarela, jabatan-jabatan yang berkenaan dan Kementerian Dalam Negeri untuk memulihkan mereka ini dengan melibatkan wang yang

banyak, dengan menggunakan kakitangan dan berbagai-bagai lagi untuk memulih, membaik-pulih mereka ini. Sampaikan mereka ini bukan digelarlah penjenayah tetapi adalah pesakit dan dalam pusat pemulihan dipanggilkan dia pelatih, bukan ahli penjenayah, dipanggil pelatih untuk membaik-pulih semula mereka ini. Tetapi hasil-hasilnya setakat ini belum lagi membanggakan, belum lagi membuat kita puas hati walaupun usaha-usaha bersungguh-sungguh dapat kita lakukan.

Sebagai seorang yang berdampingan rapat dan berhadapan dengan masalah ini di peringkat bawahan, kadang-kadang saya juga merasa kecewa dengan sikap anggota masyarakat kita. Apabila kita nampak anak-anak mereka, keluarga mereka terlibat dengan dadah, kita beritahu mereka supaya berjaga-jaga, tetapi mereka kadang-kadang mendatangkan pertanyaan semula kepada kita: "Tidak ada kena mengena dengan awak. Ini hal anak saya. Itu hal saya dengan anak saya." Tetapi apabila anaknya telah terlibat dengan dadah, sudah teruk, barulah mereka datang meminta bantuan. Inilah sikap kebanyakan anggota masyarakat kita di kampung-kampung, di tempat-tempat yang saya sebutkan dalam mengatasi masalah yang serius dan dahsyat ini,

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang suka saya timbulkan di sini dan diharap dapat Kerajaan mengambil tindakan ialah berkenaan dengan kemudahan-kemudahan kepada kawasan-kawasan perumahan, umpamanya dalam kawasan-kawasan di mana kita bangunkan rumah-rumah pangsa yang sekarang disebutkan apartmen-apartmen murah untuk rakyat. Satu perkara yang tidak dilengkapkan dengan pra-sarana yang lengkap di kawasan-kawasan itu, tidak ada dewan-dewan yang boleh digunakan untuk berkumpul, tidak dilengkapi dengan padang-padang permainan, gelanggang-gelanggang badminton, sepak takraw ataupun

bilik-bilik bacaan, malah kadang-kadang surau pun, kalau dibuat pun tidak mencukupi bagi penduduk di kawasan itu.

Jadi, ini harus diberi perhatian oleh perancang-perancang, pembangun-pembangunan perumahan sama ada oleh Kerajaan ataupun swasta, supaya kemudahan-kemudahan ini dapat diadakan bagi membolehkan anak-anak muda di situ berkumpul, mengadakan satu persatuan, persatuan belia umpamanya, tempat mereka bertukar fikiran, padang-padang permainan atau gelanggang-gelanggang yang mereka boleh bermain. Dengan demikian, dapatlah mereka itu membuang masa, menggunakan masa mereka untuk kebaikan. Malahan ada kawasan-kawasan perumahan yang begini tidak dilengkapkan kemudahan dan anak-anak muda ini tidak tahu hendak pergi ke mana. Mereka berkumpul di satu tempat yang tidak sesuai dan datanglah pengedar-pengedar dadah untuk mengajak mereka bersama-sama ke bidang penagihan dadah yang sama-sama kita sedar akan masalah dan keburukannya.

Jadi, pada masa-masa yang akan datang diharapkan Kerajaan, sama ada Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri cuba membuatkan peraturan-peraturan yang lengkap supaya melengkapkan kemudahan-kemudahan di kawasan-kawasan perumahan yang dibangunkan di mana-mana juga lebih-lebih lagi dalam kawasan perumahan ataupun rumah pangsa - apartmen kos rendah yang kadang-kadang tidak dapat mereka mengadakan kemudahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada masalah ini dan masalah yang boleh menggugat keselamatan negara dan undang-undang ini dibentangkan untuk dipinda bagi mengetatkan di mana yang perlu seperti saya sebutkan pada awal ucapan saya, apabila sahaja ada undang-undang yang kita buat, ada ahli undang-undang ataupun pegawai undang-undang ataupun peguam-peguam yang mencari di mana ada

kebolehan atau lubang-lubang, loopholes yang boleh mereka masuk untuk membebaskan seseorang yang telahpun ditangkap dan telahpun kita hadapkan ke mahkamah.

Jadi, untuk kemudahan itulah, saya demi untuk kebaikan negara, bangsa dan agama, walaupun ada yang mengatakan berbagai tuduhan yang kita tidak ada bertimbangrasa, kita menghapuskan atau cuba meniadakan hak asasi manusia dan berbagai-bagai lagi. Tetapi kepada saya yang paling penting ialah untuk menjadikan negara ini rakyatnya sihat, baik dan negara ini aman. Apa juga orang kata, tidak akan menjadi hal demi untuk kebaikan negara kita **ini**. Maka dengan **itu**, segala pindaan-pindaan yang disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini saya menyokong sepenuh-penuhnya. Cukuplah sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**3.57 ptg.**

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain untuk bercakap dalam membahaskan Akta yang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri yang secara bersungguh-sungguh untuk menyelamatkan keturunan-keturunan rakyat Malaysia pada masa akan datang, kerana dengan pindaan Akta ini, saya akan lebih menaruhkan harapan kepada keadaan suasana bahaya yang paling ditakuti oleh semua rakyat yang ada mempunyai fikiran yang baik dan waras bahawa negara ini tidak akan duduk dalam keadaan selamat kalau sekiranya rakyat-rakyat yang ada sekarang ataupun yang akan datang, khususnya keturunan-keturunan

yang akan datang tidak mempunyai keupayaan di dalam bentuk pemikiran, manakala rakyat-rakyat itu telahpun diletakkan dalam keadaan yang letih, keadaan yang penat, tidak ada mempunyai tenaga, tidak ada mempunyai pandangan yang jauh untuk masa yang akan datang.

Maka saya suka menyentuh di dalam beberapa perkara di dalam masalah ini dan bagi menguatkan lagi hujah-hujah yang telahpun dibentangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan yang terdahulu daripada ini, bahawa kita terpaksa balik mengkaji dan meneliti di atas cara bentuk yang perlu kita ubah dan kita jalankan bagi memperketatkan lagi keadaan dan suasana bagaimana kita hendak menyekat ataupun hendak membasmi penagihan dadah ataupun dengan lain perkataan, kalau tidak pun dapat dibasmi terus menerus, sekurang-kurangnya penyekatan bagi mengurangkan keadaan yang ada.

Jadi banyak pandangan-pandangan yang telahpun diberikan masalah dadah ini dan hari ini pun nampak setengah-setengah mereka yang terlibat dalam dadah ini sudah naik letih untuk menjalankan tugas-tugas sukarela mereka, oleh kerana usaha-usaha yang dibuat itu tidak banyak mendatangkan hasil, malahan menambahkan lagi keberatan suasana pemikiran ahli-ahli yang terlibat di dalam pencegahan penagihan dadah ini.

Saya berani cakap demikian kerana semalam saya baru mesyuarat di Pusat Serenti mengkaji, menengok bagaimana keadaan penagih-penagih dadah ini. Jadi, kesimpulan yang saya nampak, dadah hari ini telah ditambah pala satu lagi penagih-penagih dadah ini pula sudah kena penyakit AIDS. Ini saya cakap terus teranglah dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dapat dipertimbangkan keadaan suasana penagih-penagih sama ada dia ini dicurigai atau dianggap ada mempunyai penyakit AIDS supaya mereka ini dapat dibuatkan satu pemusatan yang terasing. Kerana semalam dalam keputusan yang dibuat dan saya diamanahkan supaya dapat dikemukakan 35 orang penagih dadah yang diramalkan sebagai mengidap penyakit AIDS ini ada di Pusat Serenti Tampin dan keputusan Lembaga supaya pihak Kementerian mengkaji semula dengan cepat supaya pemusatan yang dibuat walaupun dengan keadaan masa ataupun dengan perkataan "sementara", maka suasana masyarakat di Tampin telah mulai bising dan mulai curiga dengan penempatan 35 orang penagih dadah yang mengidap penyakit AIDS ini ada di Tampin. Jadi suasana ini akan melibatkan Kerajaan di antara negeri Melaka dengan Negeri Sembilan dan kebimbangan ini amat

ketara sekali.

Sebab sebagaimana Yang Berhormat rakan sebelah saya bercakap tadi, selama ini kita buat pemuliharaan kepada seorang penagih dadah kemudian dibebaskan maka masyarakat tidak boleh terima kerana mereka ini dianggap belum lagi suci, belum lagi bersih daripada dadah. Inikan pula datang lagi satu penagih yang ada penyakit AIDS walaupun telah banyak diberikan penerangan, jangkitan AIDS ini tidak boleh berlaku dengan semudah-mudahnya, malahan akan boleh berlaku dengan perjalanan darah ataupun perhubungan jenis. Tetapi bagi mereka, kawan-kawan dia yang ada dalam pusat-pusat yang saya sebutkan ini telah mulai curiga dan takut walaupun dia tidak takut pada dadah tetapi dia sudah takut dengan AIDS.

Dengan adanya pemusatan yang diletakkan di Tampin ini maka budak-budak ataupun penagih-penagih yang ada dalam pusat ini telah datang satu kecurigaan, mereka ditakuti mendapati jangkitan AIDS ini.

Walau dengan hujah apa pun kita sampaikan kepada masyarakat iaitu jangkitan ini tidak boleh berlaku melainkan dengan dua perkara tadi. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan pun ada beritahu iaitu dengan jalan darah ataupun dengan jalan perhubungan jenis.

Jadi saya menyeru sebagai memikul amanah, menyampaikan sendiri kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri supaya dapat menimbangkan segera iaitu penagih dadah yang dianggap dihindangi oleh penyakit ini sama ada serius atau tidak diharapkan dapat dipusatkan kepada satu pusat yang sesuai yang lebih jauh daripada orang lain untuk dapat lebih lagi menyelamatkan.



Saya amat khawatir kalau tindakan ini tidak diambil kisah atau tindakan ini tidak dijalankan dengan cepat maka kita akan menghadapi masyarakat lebih hebat daripada yang kita hadap dengan dadah **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, masalah dadah ini memang susah hendak cakap. Memang susah hendak cakap kerana dia ini adalah berkaitan dengan **hati**. Hati yang berkeinginan melakukan sesuatu yang boleh datangkan keseronokan kepada **diri** seseorang. Ini amat susah dibanteras. Ini adalah fahaman manusia. Sebab, mereka yang telah dihinggap dengan penyakit penagihan dadah ini, mengikut beberapa kenyataan yang dapat dipetik; satu daripadanya daripada buka Al-Syeikh Yussof Al-Qardawy, dalam buku dia **Al-Halal Wal-Haram**, halaman 61, Cetak Pertama.

Dia kata:

"Penagih dadah menerima perubahan akal dan pandangan. Melihat yang jauh jadi dekat, yang dekat jadi jauh. Fikiran tenggelam dalam lautan mimpi dan waham hingga lupa **diri** sendiri."

Bukankah seronok itu? Manusia hendak cari yang **inilah**.

Saya baca sekali lagi.

Dia kata:

"Penagih dadah menerima perubahan akal dan pandangan. Melihat yang jauh jadi dekat. Yang dekat menjadi jauh. Fikiran tenggelam dalam lautan mimpi dan waham...."

Ini yang seronok.g seronok.

..."Fikiran tenggelam di dalam lautan mimpi dan waham, hingga lupa **diri** sendiri."

Saya telahpun menyelidik beberapa orang yang menjadi penagih ini. Saya kata apa yang paling seronok dalam hidup. Dia kata setakat yang dia sudah jumpa, dadahlah. Ini yang paling seronok. Ada orang kata bercinta itu lebih seronok. Dia kata cinta tidak seronok. Sebab bercinta ini satu orang akan meletakkan dirinya hebat. Dia suka buat cantik. Dia pandai menggunakan bahasa-bahasa halus. Dia pandai merayu. Dia pandai tunjuk selera tidak hendak makan. Dia pandai tunjuk mengajuk. Dia pakai berganti-ganti. Dia suka berpura-pura.. Ini alam percintaan, sehingga kedua-dua itu leka dan lena dalam keadaan suasana cinta. Hilang pedoman diri. Ini yang banyak berlaku sekarang. Selain daripada dadah **ini**, kita menghadapi keruntuhan akhlak pula. Kerana dia memikirkan percintaan itu yang berfoya-foya dengan tidak menentukan kedudukan mereka, tidak memikirkan keselamatan, tidak memikirkan keturunan, tidak memikirkan kecelakaan yang akan menimpa kepada **diri** mereka, tidak apa pun yang boleh kita tegur mereka. Dia kata aku seronok. Itu benda yang kita nampak. Kita nampak kesusahan itu berlaku kepada dia, susah ini!

Kemudian datang pula dadah yang kita tidak nampak rupa pula. Kita ingat orang itu bagus. Kadang-kadang kita ingat kalau macam Polis, Polis ini bagus. Kalau kita pandang askar, askar itu bagus. Kalau kita pandang pegawai, pegawai itu bagus. Kalau kita pandang Cikgu, Cikgu itu bagus. Rupa cantik, lawa, molek; rupa-rupanya dia ini penagih! Benda tidak nampak.

Bila memikirkan keadaan semacam ini sebab apa terjadi, sebagaimana kata Sheikh Yussof Al-Qardawy, mereka ini fikirannya tenggelam dalam lautan mimpi dan waham, dunia ini kalau dapat macam itulah. Kalau sudah seronok, kalau kita lihat punca dadah **ini**, macam di Asia Barat, sampai hari ini, ada lagi orang Arab menghisap hogah - bila sudah membobok hogah **itu**, dia seronok duduk menung sahaja, letak kaki atas para, lepas itu, "kerot, kerot, kerot" dia lihat asap - dia seronok. Apa lagi yang paling kita kehendaki semasa hidup ini? Itulah, terbayang seolah-olah syurga itu sudah ada di depan kita. Kita ini tidak hisap, kalau hisap agak-agaknya pun tidak tahu lagi. Sebab itu kita sekarang ini daya yang hendak kita buat ialah, kalau kita boleh bela mereka **ini**, kita bela, kalau tidak boleh bela, kita biarkanlah sahaja.

Yang kita hendak buat pencegahan ini ialah orang yang belum terlibat sama ada daripada peringkat anak-anak kita dalam persekolahan ataupun dalam masyarakat. Apa daya-usaha kita supaya jangan budak-budak ini ataupun orang-orang perseorangan ini mengambil masa untuk memikirkan bagaimana seronoknya dadah. Kalau mengambil masa macam mana seronoknya bercinta - ada hasil di penghujung-nya, kalau mereka kahwin mungkin rumahtangganya bahagia. Cuma celakanya kalau dia putas cinta. Tetapi dadah ini tidak **ada**, tetap celaka, harapan bahagia tidak ada.

Dengan sebab itu, angka-angka yang didedahkan oleh Yang Berhormat rakan sebelah saya tadi, sudah nampak jelas bahawa peningkatan pemulihan yang kita buat hanya 10% sahaja, yang 90%

hancur - maknanya kita mencampakkan garam ke dalam laut, tidak ada apa hasil. Macam mana cara hendak mencegah, macam mana cara hendak menghalang walaupun undang-undang kita buat, penagih-penagih ini kita sekat daripada mendapat edaran-edaran dadah, tetapi benda ini berjalan juga sebab ia boleh mendatangkan hasil yang lumayan, hasil yang besar, maka sebab itulah terjadi demikian.

Untuk bayangan, sekarang ini tahun 1990, contoh yang saya ambil ini tahun 1982 - 79,000 penagih dadah. Bilangan yang terbesar ialah daripada golongan belia-belie Islam. Ini yang kita bimbangkan. Contoh ini tahun 1982, angka terbaru yang betul saya tidak tahu - 140,000 penagih, Berapa tahun? Dalam masa lapan tahun 140,000 penagih sekarang. Itu yang kita dapat kesan, yang tidak dapat kesan berapa banyak? Yang terlibat itu ialah belia-belie Islam, berbangsa Melayu. Itu yang saya cakapkan, kita fikir-fikir budak-budak yang terlibat dalam Arqam ini pun kadang-kadang ada baiknya juga sebab mereka boleh lupakan perkara lain. Biarlah mereka pakai serban, pakai jubah tetapi dia tidak akan menjahanamkan negara ataupun budak-budak yang mengikuti Tabligh yang berjalan kaki, pakai selipar Jepun, kainnya senteng, satu hari enam batu mereka mesti berjalan - itu lebih baik. Dia tidak boleh buat apa-apa. Tetapi kadang-kadang orang Islam kita ini atau orang kita ini suka mencaci orang-orang yang semacam ini. Yang dia suka perkara lain.

Saya kata golongan-golongan ini biarlah kita jaga mereka, asalkan jangan mereka bawa ajaran-ajaran yang menyesatkan kita. Itu yang kita hendak jaga. Kita kadang-kadang bantai mereka ini lebih-

lebih, kita tidak tahu selok-beloknya, biarlah mereka, tidak apalah, ada pengalamannya, walaupun mereka beramal secara jahil, mudahan-mudahan satu hari nanti mereka akan jadi baik. Yang dadah ini macam mana kita hendak buat, dia duduk dekat pondok-pondok dengan motosikal-motosikalnya. Kadang-kadang kita pun naik pelik, macam mana belia-belia kita duduk di kampung, kerja tidak ada, tetapi mempunyai motosikal besar-besar. Mana dia ambil duit pun kita tidak tahu - kadang-kadang pukul 2.00 malam duduk dekat pondok-pondok, hendak kata baca Khutbah Jumaat, tak ada - Khutbah Jumaat ini betul juga, walaupun orang yang datang itu orang baik-baik, itu saya katakan tadi, kita membuat pertahanan sahaja.

Sesiapa yang anaknya belum terlibat dalam dadah dia mesti beringat-ingat supaya anak-anak mereka jangan terlibat. Siapa ibu-bapa yang keluarganya belum terlibat dalam dadah, maka mereka mesti beringat. Tetapi sekarang ini bentuk kita sudah tidak betul lagi. Perbilangan orang tua-tua ada mengatakan: "beranak seorang, yang mengajar itu ramai". Perkataan ini ialah falsafah yang paling baik, "beranak seorang jaga ramai". Hari ini orang tidak mahu iktiraf itu. .lagi, "beranak seorang, jagapun seorang", ini yang menjadi masalah.

Bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah semacam ini - kita buat kempen. Kalau kita lihat suasana yang berlaku di Pantai Merdeka dalam pilihanraya baru-baru ini, yang pecah cermin, yang menghadang, inilah orang-orangnya. Mereka mengambil kesempatan dalam suasana ini, kesudahannya di antara dua pihak ini telah tuduh menuduh. Macam mana boleh berlaku? Macam kenyataan Ketua Polis Negara semalam - hendak berlaku "Memali" yang kedua di Terengganu.

Kita tidak tahu Polis kita dikepong, ini apa yang terjadi. Ini kita agak inilah bahaya pemikiran yang tidak tenteram, fikiran yang tidak berpandangan jauh, fikiran yang duduk dalam khayalan, mahu mendapat sesuatu dengan cepat, maka berlaku. Maknanya, masyarakat kita sekarang ini sudah tidak utuh lagi, sudah tidak kuat lagi, sudah duduk dalam keadaan kebimbangan. Begitu juga dengan perpecahan dari segi politik. Yang banyak terjadi jahanam macam ini kerana fikirannya itu tidak tenteram, walaupun mereka tidak hisap dadah, takut-takut kalau mereka hisap benda yang seakair- akan dadah, ini bahaya juga. Sebab itu arak ini dari segi Islam pun haram, sebab arak ini boleh mengubah fikiran kita.

Jadi syukurlah kita sekarang ini, satu tanda pembanterasan - arak itu kita sudah larang dijual di kedai-kedai orang Islam. Siapa hendak menjual arak mesti ada lesen. Kalau terdapat arak dalam kedai orang Islam, kita rampas lesennya. Tetapi punca dadah yang kita dapat tahu, budak-budak yang dapat punca dadah ialah hasil daripada belajar merokok. Ini tidak dapat kita nafikan. Tetapi kadang-kadang orang yang merokok dia marah dengan kita. Yang merokok itu, merokoklah. Ini yang tidak tahu merokok ini mereka belajar merokok, kemudian daripada hasil menghisap rokok, budak-budak sekolah inilah punca-punca yang dia boleh jadi khayal, dia boleh seronok dengan rokok setelah rokok itu dapat dicampurkan dengan bahan-bahan yang lain.

Iklan rokok ini pun sata masalah juga, rokoknya tidak diiklankan tetapi logo rokok ita beria-ia kita iklankan. Sedang kita tengok Warta Berita tiba-tiba keluar satu iklan rokok. Manusia ini bukan bodoh, lebih baik keluarkan gambar rokok itu daripada menge-laarkan logonya - ini logonya "Bermutu". Kalau logonya "Bermutu" semua orang hendak. Ini puncanya, sebab Ltu kita awasi anak-anak kita yang tinggal di asrama - jangan merokok. Pengawas jadi kelam-kabut, jimpa pantung rokok dalam asrama. Di sekolah tidak boleh merokok, Guru Disiplin sekolah itu kelam-kabut, tengok dalam jamban ada -rokok. Inilah puncanya. Kalau kita boleh buat andang-undang, budak-budak yang berumur 20 tahun ke bawah jangan beli rokok. Kalau beli rokok - tangkap, agak saya baik juga.

Tuan Yang di-Pertua, jadi macam mana kalau macam itu? Yang 20 tahun ke bawah beli rokok - tangkap. Apa tujuan? Lain kita tidak boleh sekat. Penjual-penjual rokok menjual rokok kepada budak di bawah 20 tahun rampas lesen perniagaannya. Buat undang-undang. Kita mesti berani sekarang, fasal terlampau bertimbanglah jadi macam ini. Terlampau bertimbang, "Ah! kita kemanusiaan, peri kemanusiaan." Betul, tetapi tidak boleh buat. Macam mana hendak buat? Budak sekolah merokok, macam mana hendak membanteras? Dia merokok dengan seronok, siap dengan pemetik api, semua siap - cantik. Baru Tingkatan 5, Tingkatan 3 sudah merokok di hadapan bapa dia, tidak malu dia merokok. Dia boleh minta rokok daripada bapa dia. Bapa pula boleh beri itu. Tolong pula bakarkan. Bapa bakarkan rokok anak, Tuan Yang di-Pertua. Itu cukup tinggi, mutu kehidupan orang kita sudah terlampau tinggi.

Saya suka membuat cadangan. Walaupun cadangan itu ada orang fikir tidak munasabah tetapi saya nampak boleh buat. Penjual rokok jangan jual dengan budak yang berumur kurang daripada 20 tahun. 20 tahun memang belum kerja lagi. Ikut hari ini punya masalah. Kalau dia beli siapa punya. Kita boleh buat penguatkuasa. Tuan kedai itu kita tangkap, kita fine. Dadah payah benar hendak dapat, lalu merokok - inilah dia. Tetapi bila kita cakap, TV kata ini hasil yang besar. Kalau hendak hasil, kita gelumangkanlah negara kita ini dengan keadaan macam-macam asalkan dapat duit. Itu tidak tahulah. Jadi, macam mana teguran kita hendak buat? Macam mana nasihat kita hendak beri kalau apa yang kita beri orang tidak mahu terima. Dia kata ini tidak boleh pakai, tidak boleh jalan, ini tidak boleh

buat.. Inipun masalah yang timbul.

Lepas **itu**, kita hendak suruh alim-ulama berjalan, berdakwah. supaya orang kenal Islam. Orang hari ini bukan tidak kenal. Akal hari ini bukan akal 20, 30 tahun dahulu. Akal sekarang ini cukup baik cuma dia tidak tahu memilih benda yang baik. Itu sahajalah. Akal baik sebab itu orang penagih dadah ini seperti kata pepatah Arab: "Akal yang baik ini ada pada tubuh badan yang baik." Dia rasa tubuh badan dia baik, akal dia baik dengan menghisap dadah. Kalau dia tidak hisap dadah tidak boleh. Macam orang yang sudah kena minum teh, tidak segar badan dia melainkan sudah minum teh. Dia tidak boleh bercakap kalau tidak minum teh. Ini sudah kena penyakit, sudah kena ketagih. Jadi, masalah ini mesti kita fikir dan kita bertindak.

Saya hormat tinggillah Timbalan Menteri Dalam Negeri kerana susah hendak menyelmatkan keadaan dan suasana. Kita buat macam-macam, kita buat projek macam-macam, lepas itu kita buat cadangan pula. Saya ingat saya cakap dalam Dewan satu ketika dahulu supaya penagih-penagih dadah yang kita selamatkan ini, yang kita bebaskan ini bagi tawaranlah kepada kontraktor-kontraktorkah, kepada orang-orang kenamaankah, ambillah seorang-seorang - bela buat sementara. Sebagai contoh, saya ambil satu. Timbalan Menteri Dalam Negeri boleh check betul tidak saya ada ambil satu. Saya kata, "kau jadi anak saya". Sudah setahun saya bela, insya Allah. Tetapi umur sudah 33 tahun.

Saya kata, "Kau hendak kahwin atau tidak?" Dia kata dia tidak ada duit. Nanti, cari duit dahulu esok boleh kahwin. Boleh - tidak ada apa. Jadi, tujuan kita bukan hendak apa-apa, supaya masyarakat dapat tahu, "Oh! rupanya dia ini boleh diterima oleh orang." Cuba kita pula ambil seorang satu. Cari yang baik-baik itu, ambil. Bukan dia hendak makan banyak. Kita jaga dia sahaja. Beri didikan,



ajar dia sembahyang, bawa dia pergi mesjid, cukup masa, waktu, suruh. dia pergi sembahyang, alhamdulillah. Saya rasa saya berjaya tetapi tidak tahulah kalau 2, 3 hari ini dia lari pula - tidak tahulah tetapi saya sudah cuba. Hari itu saya dapat ambil 2. Yang seorang itu tidak sanggup. Yang seorang itu tidak sanggup, yang seorang sanggup. Jadi, saya cakap saya buktikan.

Saya serulah kawan-kawan yang lain, cubalah cari dalam pusat-pusat itu budak-budak yang baik-baik itu ambil. Tambah satu keluarga kita. Apa salahnya. Saya tidak takut, saya letak dalam kedai itu, duit ada di situ, rokok ada di situ, semua ada, tidak pernah dia bawa benda-benda itu lari - tidak pernah. Saya beri kebebasan serupa macam anak saya sahaja - saya buat, alhamdulillah. Jadi, ini satu contoh. Tetapi janganlah hantar TV pula pada saya, ambil gambar pada semua - jangan. Saya tidak hendak publisiti. Yang itu tidak hendak tetapi saya dalam Dewan yang mulia ini saya tekankan ada hasil. Jadi, kalau boleh buat macam ini, insya Allah. Budak yang tidak hendak dengan saya itu, tidak sampai sebulan budak itu sudah kena tangkap. Maknanya hati dia tidak bersih, hati dia tidak suci. Jadi, kita buang belanja banyak-banyak hasilriya tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedih, cukup sedih, bila memandangkan suasana ini. Itulah saya kata tadi, Jawatankuasa-jawatankuasa Sukarela kita yang sudah kita wujudkan daripada tahun 70an sampai hari ini, hasil tidak datang. Kita cari duit, beri dia berniaga - lingkup. Kita buat kolam ikan - ikan lingkup, dia lari. Jadi, macam mana? Hendak bela macam mana? Kita kata kepada masyarakat tolong, tolong. Sudah tolong, tidak boleh jadi, sudah hendak merajuk pula. Dalam pada keadaan itu datang pula AIDS. Jadi, Lembaga Pelawat saya

semalam sudah kelim kabut. Sudah gambaran buruk pula datang. Budak-budak dalam itu sudah liar pula. Dia kata, "kita takut jangkitan AIDS". Berbual dengan orang pun sudah takut pula. Dia mana tahu? Jangkitan air liurkah, jangkitan pandangankah, jangkitan apa dia tidak tahu cuma kita yang buat kajian sahaja yang tahu bahawa pemindahan darah dengan perhubungan.

Jadi, itulah saya ambil masa sedikit ini untuk menyokong Akta ini dan saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Timbalan Menteri dan saya pun pandang kasihan, begitu susah memikirkan untuk menyelamatkan belia-belia kita dan keturunan-keturunan kita akan datang. Nampak lain cara tidak ada melainkan kita berdoa dengan Allah, mudah-mudahan Allah tunjukkan satu jalan yang paling baik untuk kita buat panduan bagi menyelamatkan keturunan dan anak-anak kita yang terlibat dalam dadah ini. Lain nampak saya tidak ada, kita pulangkan balik kepada Allah, mudah-mudahan Allah berikan kita satu petunjuk. Dengan sungguh-sungguh kita minta ini agak saya Tuhan akan beri satu jalan yang paling baik untuk menyempurnakan ataupun menyelamatkan negara, rakyat dan keturunan kita masa akan datang,

Dengan itu, saya menyokong Akta yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk memberikan jawapan.

**4.28 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai pindaan Akta Dadah Berbahaya

(Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 pada hari Jumaat yang lepas dan pada hari ini. Pihak saya akan cuba seberapa daya untuk memberi penjelasan dan penerangan di atas hujah-hujah yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Namun begitu, jika ada perkara-perkara yang tidak dapat disentuh, pihak saya memohon ampun dan maaf. Bagaimanapun, pihak Kementerian Dalam Negeri akan meneliti segala hujah-hujah dan pandangan-pandangan dari semua Yang Berhormat dan akan mengambil perhatian.

Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin telah bercakap panjang lebar dalam hal ini dan telah menyokong dengan kuatnya akan pindaan **ini**. Perlu saya nyatakan bahawa bila wujud pengedaran pasti akan wujud penagihan. Oleh itu, tugas utama Kerajaan untuk menentukan bahawa pengedaran dadah mesti dikawal dan dibasmi kerana cara inilah difikirkan paling baik mengurang dan menghapuskan penagihan. Pihak Kerajaan melakukan apa sahaja termasuk dari segi undang-undang, kawalan pemulihan lanjutan dan pendidikan pencegahan. Ini kita laungkan di seluruh negara bahkan di seluruh dunia. Bukanlah kita ingin bermegah-megah kepada dunia luar tetapi niat kita adalah suci dan apa yang kita lakukan adalah secara serius untuk membasmi najis dadah di kalangan masyarakat kita. Tentang cadangan bahawa penagih juga harus didenda dan dianggap sebagai seorang pesalah, ini belumlah difikirkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri.

Pada masa ini Kementerian menganggap semua penagih-penagih adalah orang sakit, walaupun keadaan mereka tenat atau tidak adalah tugas kita untuk memulihkan mereka. Bagaimanapun Kementerian dan juga Pasukan Petugas Anti-Dadah Jabatan Perdana Menteri telah diarah oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mengkaji semula sistem pemulihan dan rawatan yang telah lama kita jalankan. Ini bukanlah bermaksud bahawa sistem yang sedia ada tidak berkesan, tetapi adalah baik untuk sistem ini dikaji semula agar kekesanannya dapat dipertingkatkan. Satu seminar peringkat kebangsaan akan diadakan tidak berapa lama lagi untuk mengkaji sistem ini. Adalah dirasakan yang sudah lama menagih dan sudah tenat mestilah rawatan mengambil masa yang lebih lama dan yang baru menagih pula rawatan dan pemulihannya bolehlah disingkatkan, tetapi sekarang semua penagih walau yang tenat atau tidak ditetapkan hanya dua tahun. Jadi dalam hal ini kita akan melihat dari sudut tenat atau tidaknya seseorang penagih itu, untuk kita melaksanakan pemulihan dan rawatan.

Berkenaan dengan orang-orang yang ditahan di bawah pindaan Akta ini mereka tidak sekali-kali dipulihkan atau didenda secara fiskal, tetapi mereka akan dipulihkan secara psikologi. Jikalau dua tahun tidak cukup, maka mereka akan ditambah lagi satu tahun dan seterusnya mengikut budibicara Menteri Dalam Negeri.

Bercakap tentang Fasal 5(1) pula, memang saya akui sukar untuk difahami dalam bahasa biasa kerana ini adalah bahasa undang-undang. Tetapi secara ringkasnya maksud Fasal 5(1) ialah kebelakangan. Semua kes-kes yang sama tidak boleh dibawa ke mahkamah dan adalah dianggap sah kecuali kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah atau

dalam peringkat rayuan di mahkamah. Ini untuk memastikan bahawa tiada siapa yang mempunyai kekeliruan atas tangkapan yang lepas-lepas boleh membawa kes ini ke mahkamah.

Tentang perangkaan yang dikehendaki oleh Yang Berhormat, ingin saya nyatakan daripada Januari 1989 yang ditangkap di bawah 39B ialah 688 orang, dan yang ditangkap di bawah 39A ialah 950 orang. Hingga November, 1989 73 orang telah dijatuhkan hukuman mati dan daripada bilangan ini 2 orang ialah rakyat Pakistan, 2 orang rakyat Indonesia dan seorang rakyat Filipina. Daripada bilangan ini 16 orang telahpun digantung di mana 6 daripada mereka adalah warganegara asing.

Yang Berhormat Hajjah Salbiah Mohd. Akim telah menyokong kuat pindaan ini dan menyeru supaya pindaan ini dikuatkuasakan dengan segera. Yang Berhormat juga menyentuh Fasal 5(1) dan 5(2). Ingin dinyatakan di sini bahawa Fasal 5(1) bermakna kebelakangan iaitu termasuk kes-kes yang lepas-lepas yang wujud kekeliruan dari segi teknik tetapi dianggap sah. Fasal 5(2) pula bermakna tidak boleh dicabar oleh mahkamah kecuali yang diputuskan oleh mahkamah atau kes yang dalam peringkat rayuan.

Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang telah mengucapkan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri dan berterima kasih kepada Kerajaan kerana membawa pindaan ke atas Akta **ini**. Beliau telah memberi pendapat mengapakah dadah menjadi perniagaan penting dalam dunia ini. Mungkin apa yang disarankan oleh Yang Berhormat itu adalah

logik, tetapi yang menghairankan ialah mengapakah negara-negara maju menggalakkan negara-negara yang kurang maju menghasilkan dadah. Negara-negara majulah yang telah memberi dan mewujudkan pasaran secara bebas terhadap hasil-hasil negara kurang maju terhadap dadah ini dan membeli dadah dengan harga yang mahal, tetapi daripada hasil tanaman lain seperti tanamannya untuk makanan, negara-negara maju menekan hasil-hasil negara kurang maju dengan mewujudkan bermacam-macam kuota dan membeli penghasilan tersebut dengan harga yang murah. Sikap negara-negara maju ini menyebabkan negara yang kurang maju terutama negara-negara yang miskin tiada pilihan lain melainkan menghasilkan tanaman dadah yang boleh membawa keuntungan yang besar, kerana sikap negara-negara maju yang sanggup membuka pasaran mereka dan membeli hasil dadah dengan harga yang mahal. Secara tidak langsung negara-negara majulah yang telah menjadi hantu menggalakkan negara-negara kurang maju dan negara-negara miskin untuk menghasilkan dadah ini.

Ingin saya nyatakan undang-undang ini akan dilaksanakan dengan seadil-adilnya dan tidak sekali-kali memilih bulu, walau orang atasan atau orang bawahan. Tentang adakah dadah digunakan oleh pihak- tertentu untuk menjejaskan keselamatan. negara, pihak Kementerian Dalam Negeri akan mengambil perhatian yang serius. Sungguhpun Parti Komunis Malaya telahpun meletakkan senjata, namun ideologi dan fahaman komunis tetap diharamkan di negara ini.

Tentang saranan Yang Berhormat supaya kita mewujudkan penyelam-penyelam mahir untuk memeriksa perut-perut kapal yang disyaki membawa dadah, perkara ini juga akan diambil perhatian termasuklah

dakwaan Yang Berhormat bahawa nelayan-nelayan asing yang mendarat di pantai-pantai kita juga ada yang membawa dadah.

Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya juga telah bangun untuk menyokong pindaan Akta ini. Beliau telah menekankan betapa negara kita telah dikecam oleh dunia luar kononnya melanggar hak asasi manusia dan sebagainya kerana ketegasan melaksanakan Undang-undang Akta Dadah ini.

Sukacita saya nyatakan bahawa apa yang berlaku di negara kita akibat daripada ancaman dadah tiada siapa yang tahu. Mereka yang kononnya memperjuangkan hak asasi manusia tidak tahu dan tidak merasai kepahitan yang dahsyat apabila rakyat terlibat dengan dadah. Mereka tidak tahu bahawa perjuangan untuk mencapai kemerdekaan negara ini diperjuangkan oleh anak-anak muda. Darurat selama 12 tahun dapat kita hapuskan dengan perjuangan gigih anak-anak muda. Ladang-ladang yang begitu luas yang dapat dibuka di seluruh negara adalah diterokai oleh anak-anak muda. Pembangunan prasarana yang pesat berlaku di negara ini adalah diusahakan oleh anak-anak muda. Tetapi apa akan jadi kepada negara ini kalau 65% daripada 140,000 penagih dadah adalah terdiri daripada mereka yang di bawah umur 30 tahun. Ini bermakna anak-anak muda kita ramai yang telahpun dihinggapi oleh penyakit penagih dadah. Kalau kita tidak serius untuk mengawal gejala ini, kita khuatir bahawa pembangunan, keselamatan dan kesentosaan negara dan rakyat yang kita rasai selama 32 tahun tidak dapat kita teruskan di masa-masa hadapan oleh kerana gejala dadah yang raelanda anak-anak muda kita ini.

Dalam hal mengawal kemasukan dadah ke negara kita, pihak

berkuasa akan melipatgandakan usaha dan cara dalam membanteraskan kemasukannya. Berjaya atau tidaknya tangkapan dilakukan terpulang kepada kerjasama yang erat dari masyarakat dengan pihak berkuasa.

Tentang negara-negara ASEAN yang mengeluarkan dadah, usaha-usaha sedang giat dilakukan bagaimana tanaman dadah di Golden Tringle dapat dikurangkan. Namun begitu bagi negara-negara yang aman dan damai seperti negara. Thailand, usaha-usaha ini boleh dilakukan, tetapi bagi negara-negara yang keadaan politiknya kucar-kacir program seperti ini adalah sukar untuk dilaksanakan, terutama jika ada kumpulan-kumpulan penentang dalam sesebuah negara itu dan tanaman dadah merupakan punca kewangan yang paling baik bagi mereka mengumpulkan wang bagi meneruskan perjuangan mereka.

Tentang peranan alim-ulama, pada masa ini kursus demi kursus sedang dijalankan di Kem PEMADAM Sungei Besi di mana peserta-peserta adalah terdiri daripada alim-ulama yang diatur oleh Jabatan Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri. Pihak alim-ulama ini mesti didedahkan dahulu dengan masalah ini sebelum dapat mereka memberi nasihat, ajaran dan khutbah yang berkesan kepada masyarakat. Usaha-usaha ini sedang giat dijalankan.

Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang telah bercakap tentang kisah 35 orang penagih dadah yang dihinggap AIDS yang ditempatkan di Pusat Serenti di Tampin. Pihak saya telahpun menerima sepucuk telegram bagi tadi atas perkara ini. Perkara ini akan saya bincangkan dengan pihak Kementerian agar usaha-usaha dapat diusahakan agar satu tempat khas seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat itu dapat kita tempatkan mereka. Yang sebenarnya



tidak ada bukti yang mereka ini kena penyakit AIDS di Pusat-pusat Serenti. Mereka ini dihindangi AIDS sebelum mereka memasuki Pusat-pusat Serenti. Berkemungkinan besar bahawa oleh kerana bagi penagih-penagih kita di Malaysia **ini**, heroin merupakan dadah yang utama yang diambil oleh mereka dan mereka menggunakan jarum untuk memasukkan dadah ke dalam badan mereka, dan jarum ini pula berkongsi-kongsi di antara satu sama lain, inilah yang menyebabkan merebaknya apa yang dikatakan penyakit AIDS.

Tentang cadangan mendenda pihak-pihak penjual rokoksekiranya anak-anak muda berumur 20 tahun ke bawah membeli rokok, perkara ini terpaksa diteliti dengan mendalam sebelum sesuatu keputusan muktamad dapat dibuat kerana rokok ini telah dihisap beratus tahun dahulu, tetapi kita hairan mengapakah sebelum tahun 1973 dadah tidak melanda negara kita, walhal pada masa itu adalah menjadi fesyen anak-anak muda menghisap rokok, tetapi tidak ada penagih dadah. Tetapi setelah tahun 1973 ke atas, dadah merebak dengan berlipatganda, jadi inilah terpaksa kita telitikan.

Tentang usaha mengambil bekas-bekas penagih sebagai anak angkat yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat, ini adalah satu contoh yang paling baik, dan saya harap contoh yang telah ditunjukkan oleh Yang Berhormat itu akan dapat menyedarkan ibubapa penagih sendiri agar sanggup menerima anak mereka dan bertanggungjawab untuk menerima anak mereka kembali agar anak-anak ini mendapat kasih sayang ibubapanya semula, dan ini adalah satu daripada ubat yang paling berkesan untuk menentukan bahawa anak-anak ini tidak akan kembali untuk menagih semula.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat- yang telah mengemukakan pandangan dan teguran mengenai masalah di bawah Akta Ini. Pandangan-pandangan dan teguran-teguran tersebut sudah tentu akan diberi perhatian sewajarnya oleh pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1989)****Bacaan Kali Yang Kedua****4.44 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang. Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan bagi memperuntukan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$246,315,679 dikeluarkan daripada Kumpulanwang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989. Sebenarnya, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga, 1989 adalah berjumlah \$274,035,679, tetapi sebanyak \$246,315,679 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini kerana baki daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$27,720,000 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Di bawah Perbelanjaan Bekalan, tambahan sebanyak \$246,315,679 adalah dikehendaki bagi perbelanjaan berikut:-

Sebanyak \$74.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.26 Kementerian Pendidikan untuk membiayai perbelanjaan aktiviti-aktiviti baru iaitu pengajaran matapelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah-sekolah Menengah seluruh negara, perpindahan Jabatan Pendidikan

Negeri Selangor ke Wisma Majlis Perbandaran Shah Alam, pembelian buku-buku hasil karya Sasterawan Negara bagi sekolah-sekolah dan agensi-agensi Kerajaan serta bagi aktiviti-aktiviti yang sedia ada iaitu pembelian buku-buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks, Rancangan Makanan Tambahan dan Program Susu Sekolah, bayaran emolumen dan tunggakan elaun lebih masa, pembelian peralatan mengajar dan membayar bil-bil elektrik, air dan telefon.

Sebanyak \$46.0 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.21 - Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk menampung aktiviti-aktiviti promosi, penyediaan kemudahan-kemudahan pelancongan dan acara-acara khusus untuk Tahun Melawat Malaysia 1990.

Sebanyak \$38.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.25 - Kementerian Pertahanan untuk membiayai pembelian alat-alat ganti dan penyelenggaraan kapal-kapal TLDM sebanyak \$13.6 juta dan pesawat-pesawat TUDM sebanyak \$25.0 juta.

Sebanyak \$26.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan untuk menampung kenaikan harga ubat-ubatan dan bahan-bahan lain kerana pertambahan pesakit luar dan dalam, bayaran bil-bil elektrik, air, telefon, tambahan kos sewaan helikopter bagi Perkhidmatan Doktor Udara, dengan izin, Flying Doctor Services, membiayai Program Pembangunan Rakyat Termiskin dan pembelian komputer mikro untuk Pejabat-pejabat Pengarah di Negeri-negeri dan Hospital-hospital Besar.

Sebanyak \$19.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 27 - Kementerian Luar Negeri. Daripada jumlah tersebut, \$16.3 juta adalah untuk menampung perbelanjaan bagi emolumen kerana pertambahan jawatan, elaun tetap dan tunggakan kerana kenaikan pangkat, bayaran bagi Perwakilan baru di Buenos Aires dan Harare, kenaikan kadar sewa bangunan-bangunan Canseri dan rumah-rumah kediaman, pembelian alat-alat "Philip Interpretation System" dan komputer semasa mesyuarat Intergovernmental Follow-Up And Coordination Committee (IFCC), dengan izin, pembelian sebuah kereta rasmi Ketua Perwakilan Malaysia di Warsaw, sumbangan tetap Kerajaan kepada Pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa dan untuk perbelanjaan menghantar satu Kumpulan Pemerhati Komanwel ke Namibia. Sebanyak \$3.2 juta adalah untuk menampung perbelanjaan Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel (CHOGM) pada bulan Oktober 1989.

Sebanyak \$16.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.7 - Jabatan Perdana Menteri. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$9.1 untuk membiayai perbelanjaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan lebuhraya dan jalan-jalan utama, membaiki/ menurap semula lebuhraya Kuala Lumpur - Seremban dan Lebuhraya Kuala Lumpur - Petaling Jaya dan jalan-jalan utama dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebanyak \$3.6 juta adalah untuk membeli kain linen dan barang-barang hidangan perak bagi pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sebanyak \$3.4 juta adalah untuk perbelanjaan mengurus Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) yang telah dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Sebanyak \$110 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.53 - Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk menampung bayaran Emolumen RISDA.

Sebanyak \$4.1 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.20 - Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi menampung bayaran tunggakan Emolumen berikutan penyelarasan gaji kakitangan, pertukaran pegawai dan kakitangan ke luar negeri dan balik, kenaikan kos utiliti Pejabat-pejabat Perdagangan di seberang laut, bayaran perkhidmatan guaman di Amerika Syarikat berhubung dengan rayuan di

Mahkamah Perdagangan Antarabangsa mengenai kes "Counter-vailing (CVD) ke atas eksport "Carbon Steel Wire Rod" ke Amerika Syarikat dan bayaran rawatan perubatan pegawai/keluarga Pejabat-pejabat Perdagangan.

Sebanyak \$3.0 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.13 - Kementerian Kehakiman untuk menampung bayaran upah Pekerja Sambilan, sewaan ruang pejabat di Bangunan Plaza Perangsang, Shah Alam, penyelenggaraan bangunan-bangunan Mahkamah dan tuntutan-tuntutan pertukaran.

Sebanyak \$2.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 - Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun untuk dicarumkan kepada Kumpulanwang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) bagi mamenuhi permohonan Pendahuluan Diri dari Kementerian Pertahanan di bawah Arahan Perbendaharaan 59.

Sebanyak \$900,000 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.17 - Kementerian Belia dan Sukan untuk aktiviti-aktiviti di bawah Program Belia. yang bertujuan melatih para belia negara dalam bidang-bidang kepimpinan, ekonomi dan sosial.

Sebanyak \$887,000 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.4 - Suruhanjaya Pilihanraya untuk menampung pembeian peralatan-peralatan utama pilihanraya.

Sebanyak \$750,000 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.3 - Jabatan Audit untuk menampung bayaran tunggakan Emolumen berikutan penyelarasan gaji kakitangan Kerajaan.

Sebanyak \$575,400 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.5 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk menampung perbelanjaan dan tuntutan perjalanan pegawai-pegawai dan

kakitangan yang menjalankan temuduga, bayaran bil-bil elektrik, air, telefon, percetakan borang-borang SPA, penyelenggaraan komputer, alat hawa dingin dan kenderaan.

Sebanyak \$371,200 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.1 — Parlimen untuk menampung perbelanjaan Majlis Perpisahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Kelapan, kos percetakan Jurnal Parlimen Malaysia dan risalah mengenai Parlimen Malaysia, rawatan perubatan anggota keluarga Ahli Parlimen dan perbelanjaan Ahli Parlimen Malaysia ke Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang ke-44 di New York.

Sebanyak \$205,400 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.32 - Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk menampung bayaran tunggakan Emolumen berikutan penyelarasan gaji kakitangan Kerajaan.

Sebanyak \$72,300 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.24 - Jabatan Perpustakaan Negara untuk membiayai perbelanjaan membekal koleksi buka-buku dan terbitan-terbitan Malaysia ke Universiti Ohio Amerika Syarikat dan pembelian alat-alat kelengkapan komputer bagi Unit Prosesan Data.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1989 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1 Tahun 1990 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A Tahun 1990.



Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

**[Dato Dr. K.S. Nijhar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan-wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, dibacakan bagi kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Puan Ainon dahulu.

**4.57 ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang untuk bersama-sama di Dewan yang mulia ini bagi menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan-wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dengan panjang lebar dan jelas sekali, kenapa, mengapa dan ke mana wang ini hendak digunakan dan nyatalah daripada penjelasan beliau itu yang telah menyusuli setiap Kementerian dan Jabatan yang memerlukan pertambahan-pertambahan perbekalan kerana beberapa tujuan yang berkaitan dengan penyenggaraan, kekemaskinian dan juga keperluan-keperluan yang mendesak untuk Kementerian-kementerian yang berkenaan menjalankan tanggungjawabnya kepada negara dan rakyat.

Sesungguhnya, kita tidak membantah atas apa yang telah dibuat, kerana telahpun dibuat dan kita sedia menyokong penuh kepada pertambahan-pertambahan perbekalan yang berkenaan. Cuma, Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan Pertambahan Perbekalan yang diminta, maka saya ingin juga menyentuh beberapa perkara mengenai perkhidmatan atau perkembangan atau kelemahan dan juga beberapa perkara yang rasanya perlu diberi teguran yang membina kepada Kementerian-kementerian yang diatur dan yang dicatatkan di dalam Kertas Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai B.1 - Parlimen. Sesungguhnya kita rasa bersyukur kerana Parlimen juga mendapat pertambahan, yang sudah dibelanjakan atas keperluan-keperluan tertentu. Namun, Tuan Yang di-Pertua, kita rasa bangga dengan wajah baru Parlimen kita, tetapi dimintalah pihak Pentadbir Parlimen sendiri meneliti beberapa perkara kecil-kecil yang mungkin tidak terfikir, tetapi apabila ketemui boleh menimbulkan isu dan boleh menjadikan satu jejasan imej kepada kita, umpamanya seperti tandas-tandas di Parlimen ini.

Saya tidak mahu menyebut secara detail kerana mungkin dikatakan titik bengek tetapi nampaknya kalau tidak kita sebut, perkara ini tidak mendapat perhatian yang sewajarnya.

Dan juga saya suka menyentuh mengenai gambar-gambar lukisan wajah-wajah Perdana-Perdana Menteri kita di luar sana. Sejak saya pernah tengok daripada mulanya, saya fikir itu merupakan satu lukisan yang agak antik atau telah diantikkan oleh artisnya tetapi lama kelamaan didapati gambar ini seolah-olah tidak bermaya, lesu dan tidak mempunyai latar yang sewajarnya sebagai Perdana Menteri-Perdana Menteri negara yang begitu aman damai sebelumnya dan yang meningkat dari masa ke semasa kepada kemajuannya.

Umpamanya, kita lihat gambar lukisan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi yang sedang berkhidmat iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Kelihatan di gambar lukisan itu, kalau tuan-tuan yang berkenaan ke luar nanti, sila lihat, latarnya seolah-olah awan kabut, gelap gulita, seolah-olah ada peperangan di belakang wajah Perdana Menteri kita yang tersenyum pahit dan kelihatan tidak secantik wajah orangnya. Jadi, kalau ada pelawat-pelawat yang datang, yang belum pernah menengok atau melihat Perdana Menteri kita secara dekat atau melalui gambar, memikirkan bahawa inilah dia Perdana Menteri Malaysia, kelihatan orangnya di situ mukanya agak sedikit bengis dan senyumnya agak

pahit, kemudian wajah lukisan itu menggambarkan kelesuan dari-segi gambarannya, warnanya. Saya tidak faham apakah ini barangkali pada pandangan. artis yang dipanggil antik kerana istilah antik ini berbagai-bagai. Kayu yang retak-retak seribu pun dipanggil antik dan lukisan-lukisan ini juga ada lukisan yang antik.

Saya pernah pergi ke Vatican Muzium di Rome, menengok gambar lukisan yang berjuta-juta ringgit, tetapi tidak pula macam gambar yang ada di luar Parlimen kita **ini**, yang umurnya lebih kurang 200 tahun, 300 tahun, ada yang sampai 500 tahun. Lukisannya sangat menarik dan sejajar dengan zaman pembesar yang berkenaan. Di zaman Dato' Seri Dr. Mahathir, kita tidak pernah menghadapi peperangan yang terlalu hebat, selain daripada sedikit masalah komunisme. Kalau di zaman Tunku Abdul Rahman mungkin latar itu boleh dibuat begitu kerana ada 13 Mei, kemudian pada zaman Tun Abdul Razak mungkin ada sedikit kerana kita ada darurat. Tetapi di zaman Perdana Menteri yang ada **ini**, negara kita aman, damai keseluruhannya dan meningkat dari masa ke semasa. Saya seram menengok awan kabut, yang kelihatan seperti hendak turun hujan ribut di latar gambar Perdana Menteri kita, sila lihat di luar sana. Dengan bendera kita yang berkibar, yang kelihatan lesu kibarannya.

Ini sebagai satu jejasan kepada imej negara yang sedang membina, membangun, sedang popular di dunia ini. Harap mendapat perhatian pihak yang berwajib di Parlimen dan saya bukan seorang pelukis, tetapi saya juga pernah menjadi artis. Jadi, ertinya ada sedikit sebanyak jiwa seni di darah saya yang memberontak melihat gambar-gambar berkenaan.

Syukur, gambar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak dilukis tetapi gambar yang difoto yang diperbesarkan, kelihatan gagah, cantik, handsome dan segagah kekuatan dan juga keagungan. Yang di-Pertuan Agong kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga harap gambar Tuan Yang di-Pertua kita jangan dilukis macam itu rupa. Biarlah seikhlas orangnya, segagah dan sehandsome orangnya **[Ketawa]**.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan B.7 iaitu Jabatan Perdana Menteri. Kita sebenarnya merasakan jabatan ini amat penting sebagai satu nadi dan sebagai satu kumpulan penggerak, pengarah dan sebagai satu jabatan yang merangkumi semua lain-lain jabatan atau Kementerian yang ada di dalam negara kita. Kita rasa peruntukan itu wajar kerana keperluannya telah diterangkan tadi. Hanya sanya saya ingin menyentuh sedikit mengenai beberapa perkara yang boleh disentuh di bawah jabatan ini yang saya rasa boleh diambil perhatian oleh jabatan yang berkenaan.

Yang pertama ialah mengenai satu penyakit yang sedang menjalar sama ada kita sedar atau tidak yang sama gagahnya dengan penyakit penyalahgunaan dadah atau pengedaran dadah iaitu penyakit rasuah. Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) dalam negara kita, Tuan Haji Zulkifli namanya, saya pun kenal beliau telah membentangkan satu kertas kerja yang telah dibuatnya di Seminar Etika Pengurusan anjuran Universiti Utara Malaysia di Bangi, lebih kurang seminggu yang lalu. Di mana dalam kertas kerja itu setelah diteliti, nyata-lah bahawa pihak BPR sendiri menyedari dan merasa bimbang dengan

penjalaran, penularan rasuah di negara kita ini. Rasuah yang telah menjalar bukan sahaja rasuah dari segi perkara-perkara yang membawa kepada kewangan atau keuntungan tetapi juga rasuah-rasuah yang berbentuk moral, rasuah-rasuah yang berbentuk permulaan kepada satu penjajahan ke arah materialistik atau materialism. Kita boleh tengok hari-hari berbagai-bagai cerita yang agak ganjil-ganjil, yang ada kaitannya dengan rasuah,

Tuan Yang di-Pertua, perasuah-perasuah ini sangat pintar, sangat cekap, seorang Kerani biasa boleh melenyapkan \$22.2 juta walaupun itu disebut dalam penyelewengan tetapi ada perasuahan, sebab kalau tidak dirasuah yang lain-lain di dalam bank yang berkenaan pasti mereka akan bercakap atau akan mengadakan hal ini sebelum terjadi.

Jadi, ertinya selain daripada penyelewengan, penipuan ada unsur rasuah. Begitu juga mengenai apa sahaja perkara-perkara yang berkaitan dengan unsur kewangan. Tender-tender, pembelian-perabelian, alat gantian atau lain-lainnya, penswastaaan, turnkey project dan berbagai-bagai lagi yang saya rasa kalau kita bentangkan di Dewan ini seolah-olah kita tidak bersyukur kepada Allah dengan nikmat yang diberikan kepada kita semua di negara kita **ini**.

Saya tertarik dengan rencana Utusan Melayu yang menulis berkenaan dengan 'Masyarakat Berperanan Basmi Rasuah. Satu petikan yang saya ingin hendak ambil yang saya rasa baik dibawakan ke Dewan ini sebagai satu pandangan, sebagai satu rujukan kerana perkara ini perlu diambil perhatian berat. Negara tidak akan jadi negara yang makmur, negara kita tidak akan jadi negara yang berdaulat, dihormati

kalau masalah rasuah menjadi-jadi. Kita boleh lihat negara yang membangun dengan hebatnya, memuncak kejayaannya tetapi tiba-tiba jatuh dan runtuh dan menjadi negara yang papa kedana, hina dina kerana masalah rasuah yang tidak dapat terbendung. Satu daripadanya di Columbia umpamanya, itu sebagai satu contoh tauladan yang besar. Dan negara-negara dalam ASEAN juga menghadapi tekanan-tekanan, jejasan imej kerana masalah rasuah, kerana menghormati negara ASEAN, saya tidak menyebut nama-nama negara itu. Tetapi ada negara dalam ASEAN yang sedang tenat dan seolah-olah sudah tidak terkawal lagi keadaannya oleh serangan daripada rasuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin petikkan di sini ialah seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir baru-baru ini tentang betapa perlunya pusat-pusat pengajian tinggi negara ini dan para pelajar yang menimba ilmu di luar negeri dididik untuk menjadi mereka yang bukan sahaja berjaya di bidang akademik tetapi juga mempunyai nilai akhlak yang tinggi. Saya sangat bersetuju, dalam kita hendak menentang rasuah, bukan sahaja kekuatan undang-undang yang perlu digunakan dan saya mencadangkan undang-undang rasuah di negara kita ini perlu dikaji semula dan perlu diperketatkan di sana sini. Kalau ada scrcwnya yang longgar, sila kita ketatkan seperti kita buat tentang Akta Dadah Berbahaya dan lain-lain. Tetapi undang-undang sahaja tidak memadai, pendidikan kepada warganegara kita supaya ianya tidak terlalu gemar kepada kewangan, supaya tidak menumpukan perhatian hidupnya semata-mata kepada materialistic, kebendaaan.

Saya rasa saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini sangat sesuai, sangat perlu diambil pertimbangan dan nampaknya ia pergilah kepada Kementerian Pendidikan, akan bertambah berat lagilah tanggungjawab Kementerian ini yang memang sudah berat. Kita faham Kementerian ini, kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah oleh kerana ianya ditukar dari 'Pelajaran' kepada 'Pendidikan', tanggungjawab mereka sangat berat, Selain daripada hendak memberikan pelajaran, pembelajaran, mereka juga kena mendidik dan dari mendidik, pendidikan pergi kepada pelajaran.

Saya yakin dengan pendidikan-pendidikan moral yang tertentu dan sejak dari kecil yang telah kita jadualkan dengan baik dan dengan didikan-didikan rohaniah, sama ada apa agama pun tidak kira. Bila sebut rohaniah, ertinya pendekatan keagamaan. . Pendekatan keagamaan semua agama, terutamanya agama Islam perlulah diberikan perhatian yang berat supaya tidak generasi muda kita nanti dalam keadaan membangun negara kita yang begitu pesat terdorong oleh masalah rasuah kerana inginkan kemewahan secara cepat, kaya secara cepat.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi mengenai perkara rasuah ini ialah sedikit yang saya ingin sentuhkan dari kertas kerja yang berkenaan itu ialah dalam dunia yang kian materialistik, di samping penonjolan keghairahan bernafsu yang mengambil tempat hampir saban hari, maka perjuangan untuk membasmi rasuah menjadi bukan sahaja tambah mencabar tetapi juga lebih sukar. Strateginya yang pertama, pendidikan; yang keduanya, perundangan dan yang ketiganya, pelaksanaan kepada perundangan.



Kita tidak nafikan di negara kita ini undang-undang rasuah baru sahaja dalam sesi yang lalu kita pinda satu lagi undang-undang rasuah, undang-undang yang mengetatkan mengenai perasuahan, tetapi pelaksanaan ini yang kadang-kadang membimbangkan dan kadang-kadang boleh menimbulkan rasa frust di kalangan mereka yang terkena. Kadangkala Ketua-ketua Jabatan, maaflah, Ketua-ketua Tertinggi Jabatan bukan tidak tahu masalah berlaku di Jabatannya, ada rasuah sana, ada rasuah sini, sampaikan kertas peperiksaan pun kerana rasuah ianya bocor. Dan ada juga rasuah di Kementerian Kewangan umpamanya, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian umpamanya pasti ada tetapi kadangkala Menteri tidak peka dalam hal ini, tidak mengetahuinya.

Apabila kita bawa ke Dewan ini maka Menteri kita ini akan memberikan ulasan dan menjawab, ada setengahnya itu dengan manis, dengan ikhlas, tetapi ada setengahnya itu marah bila kita menyentuh perkara begini, 'sila prufkan', katanya, 'kalau ada pruf, saya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan. Saya harap Yang Berhormat itu boleh memberikan hitam-putih dan pruf kepada perkara yang telah dikatakan'. Dan setengahnya pula ada yang mengatakan, 'itu satu tuduhan yang keterlaluan', pada hal kita mendapat feedback yang boleh dikatakan 80% betul, mungkin tidak 100%, tetapi apalah salahnya kalau dibuat kajian atau sekurang-kurangnya seperti Timbalan Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambalan tadi, sahabat saya ini, beliau seorang yang sangat penyabar dan fe'elnya sangat baik. Kalau apa sahaja yang kita sentuh, akan diambil perhatian berat, akan diberikan perhatian, dalam perhatian kami, begitu, sekurang-kurangnya adalah petanda-petanda yang mereka itu menerima pandangan ini. Mustahil kalau kita bercakap tanpa ada fakta, tanpa ada rujukan, tanpa ada perkara-perkara yang terbukti daripada yang

telah dilakukan.

Cuma kita tidak mahulah buat kertas kerja, hendak bentangkan kertas kerja satu persatu kepada pihak-pihak yang berkenaan. Kalau boleh perkara kecil-kecilan ini tidaklah payah kita ke BPR. Pihak BPR sendiri mengatakan kesukaran. mereka hendak membasmi kepada masalah rasuah ini ialah kerana tidak ada kerjasama dari Jabatan yang dikatakan atau yang disebutkan berlakunya rasuah, tidak ada kerjasama daripada individu-individu yang berkaitan dan tidak ada maklumat, tidak ada yang berani memberikan maklumat-maklumat yang jelas. Biarlah apa yang saya katakan ini dicatatkan dalam Hansard kita untuk 10 tahun akan datang. Kalau negara kita bersih dari rasuah adalah kesan percakapan ini dan kalau negara kita esok dilumuri dengan rasuah, maka apa yang kita katakan hari ini tidak adalah diambil berat atau ini merupakan satu amaran (warning) kepada perkara-perkara yang mungkin akan berlaku kalau kita tidak awasi.

Dahulu perkara dadah, Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak pernah ambil pusing. Saya masih ingat tahun 1960an tidak ada siapa pun yang begitu berat hendak memikirkan hal dadah. Tiada siapa yang memperdulikan langsung tentang perkara-perkara dadah. Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak ada siapa ambil pusing, tetapi apabila kronik maka kita terpaksa berikan tumpuan, perhatian yang penuh, kewangan, fikiran, tenaga dan lain-lain kepadanya.

Demikian juga masalah AIDS, sekarang kia masih. lagi boleh menangkis-nangkis, 19 orang sahaja, 20 orang sahaja, bukan sakit AIDS, sakit itu, sakit ini. Nanti 5 tahun akan datang percayalah perkara ini akan jadi bertambah kronik dan di ketika itu kita terpaksa memberikan lagi tumpuan-tumpuan, perhatian sepenuhnya. Dan juga masalah rasuah, tidak mustahil negara kita yang begitu membangun, yang

begitu baik pertumbuhan perekonomiannya menjadi sasaran kepada sang perasuah'-perasuah yang memang menunggu-nunggu sahaja masa-masa yang tertentu.

Saya mengharapkan dalam menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini tolonglah- beri perhatian yang serius kepada perkembangan rasuah yang berlaku di negara kita ini yang bukan sahaja melibatkan Jabatan, Kementerian, bank-bank, institusi kewangan yang private juga yang melibatkan hal-hal penswastaan dan juga masalah-masalah pekerjaan atau di dalam kumpulan-kumpulan pencari-pencari kerja.

Tuan Yang di-Pertua, itulah saranan mengenai perkara rasuah **ini**. Saya tidak mahu bercakap lebih lanjut lagi kerana saya harap ini sebagai satu maklumat kepada pihak-pihak yang berkenaan, maklumat secara Dewan Negara, bukan maklumat secara BPR sebab kalau BPR mungkin kita boleh memberikan lebih detail dari apa yang telah diperkatakan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin menyentuh B.21, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kementerian ini yang baru sahaja diwujudkan, belum dua tahun umurnya, tetapi telah menampakkan beberapa kejayaan, beberapa kegemilangan dari segi pendekatan-pendekatan pelancongan yang telah nampak buktinya perlahan demi perlahan dan nampaknya meningkat dari masa ke semasa dan seperti yang pernah dibentangkan di Dewan ini dalam masa setahun sahaja kita telah dapat banyak hasil-hasil dari usaha-usaha Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan ini.

Cuma dalam hal-hal kita hendak mempertingkatkan pelancongan sebagai satu sumber kepada kewangan negara, kita menghadapi berbagai-bagai rintangan dan tekanan-tekanan, Yang paling kita sedih,

tekanan-tekanan itu ada yang datangnye dari rakan-rakan sejawat ASEAN kita. Umpamanya seperti yang pernah berlaku dan sedang berlaku, sama ada kita sedar atau tidak, negara Singapura. Kita memang bercadang, kita sudah dengar rancangan daripada Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk memajukan Desaru dan untuk membesarkan Lapanganterbang Senai dengan tujuan supaya kita dapat mengatasi sabotaj-sabotaj halus dari negara sahabat kita ini yang pepat- di luar, rencong di dalam; sangat manis, sangat baik, sangat rapat tetapi mereka masih juga membuat beberapa sekatan-sekatan halus kepada pelancong-pelancong untuk datang ke Malaysia.

Selain daripada memburuk-burukkan keadaan di negara Malaysia, ini kita dengar sendiri, kita tahu sendiri, kita ada bukti dengan nyata, mereka juga mengenakan berbagai-bagai sekatan, antaranya ialah mengenai 'separuh tangki minyak kereta' (half-tank rule) di mana ini juga telah menimbulkan kebosanan dan boleh menyekat pelancong-pelancong, sama ada pelancong tempatan atau pelancong luaran yang ingin menggunakan limousine datang ke Tambak Johor atau ke Malaysia.

Selain daripada itu, umpamanya macam baru-baru ini perayaan sembahyang orang Cina, 'Chap Goh Meh', kalau saya tidak salah, telah disekat pintu-pintu yang raenghala ke Johor Bahru, secara tidak langsung ianya jadi jam. Bila jadi jam, ini menimbulkan rasa boring orang-orang yang hendak datang. Selain daripada kempen-kempen lain yang memperkatakan bahawa di Malaysia barangnya mahal, layanan tidak baik, hotelnya tidak elok dan berbagai-bagai cara lain yang barangkali Kementerian ini lebih arif dan lebih maklum tentang hal yang berkenaan dan apakah sikap kita untuk menghadapi sahabat-sahabat yang pepat di luar, rencong di dalam ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kalau demikian keadaannya, kita kena mencari jalan sendiri. Kita kena berdikari, kita kena mengusaha sendiri untuk mendapatkan pelancong-pelancong ini lebih ramai datang ke Malaysia dengan mempertingkatkan lagi iklan-iklan dan juga kempen-kempen kita. Di samping itu, kita memperbetulkan perjalanan perhubungan kita. Urapamanya macam di Senai, kita-banyakkan lagi kenderaan-kenderaan untuk pergi ke Johor Bahru atau setelah dimajukan Desaru nanti, ada perjalanan-perjalanan yang kita boleh buat terus (direct) dari negara-negara luar ke negara kita tanpa melalui Singapura.

Ada lagi ikhtiar-ikhtiar lain saya percaya bijakpandai di Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan akitek-akitek kita, pakar-pakar ekonorai kita yang memahami, mereka yang berpengalaman dalam hal perhubungan raya umpamanya, boleh mencari ikhtiar. Tidak usah kita terlalu lagi mengharapkan manis menanam tebu di bibir negara jiran kita ini, kita terus cari jalan. Dari Indonesia, kita

sudah tidak boleh mendapat pelancong yang ramai kerana sekatan-sekatan tertentu di negara berkenaan. Setiap yang hendak keluar kena bayar \$500 duit daripada kita, cukai kepala namanya. Ini kita tidak sentuh kerana negara itu ekonominya masih perlu diperbetulkan. Tetapi negara yang di sebelah dinding yang banyak mendapat bantuan sokongan yang bergantung sedikit sebanyak moralnya kepada kita, juga tidak setia dengan kita dalam maaalah pelancongan. Mengapa kita tidak mengambil jalan yang lebih nekad dan jalan yang lebih sesuai untuk memajukan negara kita dalam bidang pelancongan, kerana beribu-ribu ramainya pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia melalui Singapura.

Kita percaya kepada Singapura, kita pun sama-sama juga berkempen 'datanglah ke Malaysia', 'melawatlah ke Malaysia', 'melanconglah ke Malaysia', 'silalah ke Singapura dahulu, lepas itu daripada Singapura bolehlah terus ke Malaysia'. Demikianlah lebih kurang kempen-kempen kita. Kenapa kita tidak terus kepada 'Visit to Malaysia', 'Welcome to Malaysia', dan lain-lain pendekatan yang pakar-pakar iklan boleh buat yang mereka ini nanti dalam fikirannya ingat hanya Malaysia dan melupakan secara tidak langsung stesen ataupun destinasi Singapura ini.

Ini bukan kerana dengki atau hendak bergaduh, tetapi dalam perjuangan untuk membetulkan ekonomi kita perlu bijak, Tuan Yang di-Pertua. Jangan sampai kita jadi kuda kepada orang lain kerana kita sudah beruyapa dan sudah ternyata kita boleh berdikari dalam hal pelancongan **ini**, Tuan Yang di-Pertua. Tambahan pula Kementerian ini bermenterikan seorang yang benar-benar dedikasi, memahami masalah pelancongan dan saya rasa ini boleh diatur.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pendidikan. Maaf saya, sebelum itu saya ingin menarik perhatian mengenai limousine, mengenai Proton Saga jenis limousine yang baru sahaja dicipta. Saya ingin mengucapkan setiriggi-tinggi tahniah kepada Edaran Automobil Nasional Berhad atau EON nama ringkasnya, yang telah mencipta satu kereta limousine, satu versi jenis kereta Proton yang berbentuk mewah. Kita lihat di dalam televisyen betapa gagahnya Proton Saga Limousine ini yang telah dinaiki mulanya oleh Perdana Menteri kita. Wajar Perdana Menteri kita mengambil daranya kerana di zaman beliaulah terciptanya Proton Saga oleh anak watan di Malaysia.

Hanya saya ingin menyeru kepada EON apalah jua kiranya hendaknya mempercepatkan keluaran limousine ini untuk diedarkan kepada rakyat yang berkemampuan sedikit. Kerana kalau kita hendak beli kereta-kereta mewah luar negeri pun, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini terlalu mahal harganya. Mungkin limousine ini kalau sudah diubah-suaikan, kalau sudah dicipta dengan sebaik-baik sebagaimana dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, harga atau kosnya boleh diturunkan dengan harga biasa. Oleh kerana ia hanya 1.5 c.c. sahaja, mungkin boleh dijual dengan harga \$40,000 atau \$50,000 dan kebetulan sekarang ini Senator dan Wakil Rakyat sedang dipertimbangkan untuk dinaikkan loan keretanya. Mungkin kami juga berupaya untuk membeli Proton Saga bentuk limousine ini, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini kami hanya memakai Proton Saga 1.5, tetapi sahabat saya di sana 1.51 tetapi saya yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Pendidikan dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan rasa syukur kami kepada Kementerian ini yang begitu banyak tanggungjawabnya,

yang begitu berat sekali kerjanya telah juga berjaya mengenengahkan satu Dasar Pelajaran negara yang menjadi ikutan, dan yang menjadi sebagai satu kunci kepada kejayaan generasi-generasi akan datang dari raasa ke semasa sehingga ini. Tidak dinafikan Menterinya sakit kepala kerana disentuh kiri kanan, kadang-kadang dihentam atas masalah dasar pendidikan negara **ini**. Tetapi, memang sudah kata pepatah, Tuan Yang di-Pertua, 'Kalau tidak pecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Insya Allah, Kementerian ini akan berjaya menjadi satu Kementerian yang memegang punca nadi kemajuan serta ketinggian moral di negara kita ini nanti.

Hanya saya ingin menyentuh pendidikan di sekolah-sekolah. Memang kita tahu sekarang ini telah ada pendidikan moral **ini**, tetapi demi untuk membentuk satu generasi yang benar-benar bermoral, yang benar-benar berwibawa, benar-benar kasihkan negara, benar-benar mengenal dirinya dan boleh berdikari, menjauhkan yang mungkar, mendekatkan yang makruf, maka pendidikan moral ini perlulah dipertingkatkan dan perlulah disusun lebih baik lagi untuk masa-masa akan datang. Kita faham Kementerian sedang menyusun dan sedang memperbaiki dari masa ke semasa mengenai pendidikan moral ini.

Saya mengharapkan bahawa Rencana Pengarang Utusan Melayn yang bertarikh pada 15hb Mac 'Pengkakisan Nilai-nilai Moral' eloklah juga setiap Pegawai Pendidikan, kalau ada di sini, arabil dan rujukkan di sana kerana apa yang kita hasratkan untuk disampaikan kepada Kementerian. Pendidikan telah ditulis oleh Rencana Pengarang **ini**. Saya sudah lama fikir benda **ini**, saya sudah tulis nota, sekali keluar dalam suratkhbar sama seperti yang saya fikir. Jadi, supaya tidak membuang masa, maka saya harap rujukannya ialah Rencana Pengarang Utusan Melayu, 15hb Mac, 1990 bertajuk 'Pengkakisan Nilai-nilai Moral'.



Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja sentuhan-sentuhan yang hendak saya perkatakan dan sedikit mengenai Kementerian Kesihatan, oleh kerana banyak sangat doktor-doktor selepas lima tahun berhenti, selepas lima tahun berhenti, alasannya tidak puas hati kerana ganjarannya tidak separas atau tidak selaras dengan kemampuan kerja dan kelulusan, maka ada baiknya Kementerian Kesihatan pinda sedikit undang-undang dan aturan peraturannya supaya setiap mereka yang mengambil pelajaran mengenai perubatan atau ilmu kedokteran mesti berkhidmat dengan Kerajaan 10 tahun, baru boleh berhenti. Kalau tidak nanti, Tuan Yang di-Pertua, kita, Kementerian Kesihatan, hospital-hospital besar di seluruh negara akan ketandusan pakar-pakar dan setiap masa nanti kita terpaksa menghalakan, membuang wang kita mengambil pakar-pakar dari luar, pakar-pakar kita yang sudah jadi pakar terus membuka perniagaan sendiri, Kadang-kadang perniagaan sendiri ini menguntungkan, tetapi boleh juga merugikan sebab bukan semua rakyat marapu hendak pergi ke pakar-pakar luaran yang mahal harganya.

Jadi; sebagai tanggungjawab Kerajaan, saya mencadangkan per-tingkatkan peraturan ini dan kemudian naikkan sedikit imbuhan-imbuhan mereka ini dan keraudahan-kemudahan kebajikan mereka, kerana tidak dinafikan, kalau kita hendak khidmat yang baik mestilah memberikan ganjaran yang baik. Wajarlah negara kita memberikan penghargaan, raemberikan ganjaran yang wajar kepada para doktor kita ini kerana mereka juga memberikan khidmat yang paling penting untuk kesihatan rakyat jelata.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini sekali lagi saya menyokong kepada Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan bagi memper-untukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Sellappan.

5.30 ptg.

**Tuan V. K. Sellappan:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk berpartisipasi dalam perbahasan ini dan menyokong pembentang Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan, 1990.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Maksud B.34 iaitu Kementerian Kesihatan. Salah satu bidang yang sangat penting di dalam kemajuan sesuatu masyarakat ialah bidang kesihatan. Dengan mengarabil kira fakta ini, Kerajaan Malaysia cuba merapertingkatkan taraf kesihatan di kalangan masyarakat Malaysia. Pelbagai langkah telah diambil untuk melaksanakannya. Antara langkah-langkah yang diambil ialah menambahkan bilangan doktor-doktor, ahli-ahli farmasi dan jururawat-jururawat. Untuk menambahkan bilangan ahli-ahli perubatan, Kerajaan Malaysia telah mengiktirafkan kelulusan beberapa negara lain agar rakyat Malaysia yang belajar di negara lain itu dapat bekerja di sini. Maka langkah-langkah Kerajaan untuk mengkaji dan mengiktirafkan universiti-universiti di India dan Pakistan di dalam bidang perubatan sangat dialu-alukan.

Kerajaan perlu mengiktirafkan lagi bidang-bidang profesional lain seperti farmasi. Pada masa ini hanya dua buah universiti di India iaitu Nagpur dan Banares diiktirafkan dalam bidang farmasi ini, walaupun ada universiti-universiti lain di India yang memberi

kursus farmasi. Kebanyakannya tidak diiktirafkan tetapi disenaraikan oleh Kerajaan agar pelajar-pelajar yang mengikuti kursus ini perlu menduduki peperiksaan Assessment Examination, dengan izin, yang dikendalikan oleh Lembaga Farmasi Malaysia. Peperiksaan ini pernah diiktirafkan oleh Kerajaan, tetapi malangnya peperiksaan ini tiba-tiba ditamatkan pada bulan Pebruari, 1982 tanpa apa-apa sebab pada masa setengah-setengah penuntut-penuntut karai mengikuti kursus-kursus ini di India. Masalah dan kerumitan pelajar-pelajar ini telahpun disiarkan dalam suratkhbar tempatan. Baru-baru ini Pejabat Pesuruhjaya Tinggi India di Malaysia menawarkan kursus-kursus farmasi, kimia dan lain-lain kepada pelajar-pelajar Malaysia di universiti-universiti di India. Kursus-kursus ini diiktirafkan oleh kebanyakan negeri-negeri lain termasuk negeri-negeriBbarat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan akan berusaha mengkaji dan tnengiktiraf kursus-kursus farmasi, kimia dan sebagainya. Saya juga berharap agar Kementerian Kesihatan akan memulihkan lagi peperiksaan Assessment Examination, dengan izin, yang dikendalikan oleh Lembaga Farmasi Malaysia. Kebanyakan pelajar-pelajar Malaysia yang mempelajari farmasi sukar mendapat tempat di universiti-universiti tempatan. Mereka tidak berpeluang mendapat tempat hanya di dua buah universiti di India iaitu di Benares dan Nagpur. Kos pengajian di universiti-universiti antarabangsa yang lain adalah tinggi bagi mereka yang mengikuti kursus-kursus ini di universiti-universiti lain di India selain dari Nagpur dan Benares mahupun di universiti-universiti lain di luar negeri. peperiksaan ini iaitu peperiksaan Assessment Examination, dengan izin, adalah suatu peluang untuk mendapat pengiktirafan.

Tuan Yang di-Pertua, Menyentuh Maksud B. 20, beberapa tahun

kebelakangan ini terdapat banyak kes kematian disebabkan oleh arak seperti yang disiarkan akhbar-akhbar tempatan, televisyen dan radio. Arak yang dimaksudkan di sini adalah samsu dan minuman yang mengandungi alkohol yang tinggi. Pembeli-pembeli arak ini, kebanyakannya adalah terdiri daripada golongan yang miskin. Selepas mereka minum arak ini mereka akan tidur di tengah jalan, memukul anak-anak atau isteri mereka dan juga mengacau ketenteraman orang ramai. Kebanyakan arak ini boleh dibeli dengan senang dan juga harganya adalah sangat murah.

Kebanyakan kedai-kedai runcit termasuk kedai-kedai yang menjual minuman arak didapati menjual bungkusan-bungkusan minuman arak dalam bentuk ekonomi, king size bag berukuran 30 X 120 mm. dengan harganya 60 sen, \$1.20 dan juga \$1.50. Tiada" terhadapnya bagi orang ramai membeli dan membawanya termasuk muda-mudi dan kanak-kanak sekolah. Orang-orang miskin mampu membelinya kerana harganya murah. Minuman dalam bungkusan ini sangat merosakkan kesihatan dan lebih merbahaya daripada minuman-minuman arak biasa.

Kebanyakan mangsa-mangsanya adalah masyarakat miskin yang terdiri daripada kaum India. Berbagai masalah timbul kerana penagih-penagih minuman ini, kebanyakannya menyakitkan dan merugikan keluarga masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, demi kesihatan, Kerajaan telah menamatkan iklan menghisap rokok dalam T.V. Kempen pun telah dijalankan bagi menasihatkan orang ramai supaya jangan menghisap rokok di satu-satu tempat seperti di rumah-sakit dan klinik. Baru-baru ini Kerajaan menggalakkan gerakan Keluarga Bahagia. Kerajaan sedar bahawa segala penderitaan yang timbul dalam masyarakat kami dapat dikurangkan dengan gerakan ini. Gerakan ini dapat menyelesaikan

segala masalah di pangkal dan bukan di hujung. Keluarga Bahagia tidak dapat diwujudkan sekiranya kita masih membenarkan perkara seperti menjual bungkusan-bungkusan arak ekonomi ini kepada masyarakat miskin. Ini bertentangan dengan konsep Keluarga Bahagia. Kita memaharai bahawa bungkusan ini disediakan sebagai ganti kepada minuman samsu haram. Tidak ada bezanya di antara samsu haram dan bungkusan ekonomi ini kerana bungkusan ini mengorbankan nyawa dengan cara perlahan-lahan. Selain daripada ini, tidak ada jaminan bahawa bungkusan ini selamat disediakan dan selamat diminum.

Baru-baru ini percubaan oleh Pegawai Daerah Hulu Langat untuk membendung penjualan minuman arak di daerahnya perlu dihargai walaupun gagal. Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan supaya mengharatkan penjualan minuman bungkusan ini dalam king size economy bag.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Maksud B. 26, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang telah mengambil langkah untuk mengadakan kelas-kelas tabika di sekolah-sekolah. Langkah seumpama ini adalah wajar dan baik kerana keluarga-keluarga yang miskin yang ~~mana~~ mereka tidak mampu menghantar anak-anak mereka ke kelas tabika swasta. Saya juga ingin menyuarakan agar kelas-kelas tabika ini diadakan di sekolah-sekolah luar bandar seperti di ladang-ladang, kawasan-kawasan FELDA dan juga kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan bukan sabaja patut diadakan di peringkat tabika, tetapi juga mesti diberikan sehingga ke peringkat universiti. Sebagaimana yang kita ketahui, pendidikan adalah satu alat untuk mempertingkatkan taraf hidup sesuatu masyarakat. Jadi, berdasarkan ini, saya dengan segala hormatnya ingin menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, kepada aspek pendidikan di

kalangan kaum India. Kaum India adalah satu kaum yang jauh ketinggalan berbanding dengan kaum-kaum lain di negara kita ini kerana mengikut kajian yang dijalankan, kaum India hanya memiliki 1.0% daripada -harta keseluruhan. Jadi, Unit Pusat Universiti, Bahagian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia diminta berbesar hati mengambil lebih ramai pelajar-pelajar kaum India pada peringkat matrikulasi, asasi dalam aliran sastera dan sains dan juga kursus diploma yang ditawarkan oleh UTM, UPM dan juga USM. Ini juga termasuk kursus diploma dan kursus sijil yang ditawarkan oleh kelima-lima politeknik di Semenanjung Malaysia bagi pelajar-pelajar SPM/SPVM oleh Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Kementerian Pendidikan.

Bagi itu juga untuk program ijazah universiti-universiti luar negeri di Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan Perancis bagi pelajar-pelajar lepasan SPM di bawah Bahagian Latihan dan Kema-juan Kerjaya, Jabatan Perkhidmatan Awam termasuk biasiswa-biasiswa yang ditawarkan oleh luar negeri kepada siswazah-siswazah universiti terapan terutama dari Great Britain. Negara ini memberi biasiswa tiap-tiap tahun untuk melanjutkan pelajaran ini di bidang perubatan, perundangan, kejuruteraan dan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan perlu mengambil kira perkara-perkara berikut:-

- (1) Kaum masyarakat India di negara ini terdiri daripada 9.8% penduduk Malaysia. Hanya mempunyai 1% harta benda negara, Oleh itu kaum ini perlu dianggap masyarakat miskin,
- (2) Masyarakat ini terdiri daripada 10% kumpulan elit, 20% kelas pertengahan dan 70% kumpulan miskin yang kebanyakannya tinggal di ladang-ladang,

Menurut kajian oleh Sahabat Alam Malaysia hampir 80% pekerja ladang-ladang tinggal di bawah paras keperluan asas. Kajian ini dijalankan oleh Kerajaan pada 1987 mendedahkan bahawa 80% pekerja ladang-ladang tinggal di bawah keperluan asas dan dalam keadaan yang membahayakan kesihatan. Oleh itu kaum ini memerlukan bantuan segera daripada Kerajaan. Ini menggambarkan penderitaan dan kemiskinan mereka.

- (3) Taraf hidup mereka tidak berubah walaupun Dasar Ekonomi Baru dilancarkan 20 tahun lalu. Mereka tidak bernasib baik menerima faedah-faedah DEB.

Baru-baru ini perlantikan 3 Ahli Jemaah Menteri oleh Kabinet untuk menyelesaikan piket-piket pekerja ladang-ladang mengikut masalah penderitaan dan masalah pekerja-pekerja,

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tirabalan Menteri Pendidikan dalam soalan saya di Dewan yang mulia ini tempoh hari telah menyatakan bahawa hanya tanah seluas 3 ekar diperuntukkan untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Sungai Rengam, Shah Alam, Slangor Darul Ehsan manakala lagi 7 ekar adalah untuk Sekolah Cacat. Kenyataan tersebut tidak wajar kerana ianya bertentangan dengan apa yang dipersetujui oleh pihak PKNS di mana sebanyak 10 ekar dikhaskan untuk sekolah ini semasa sekolah ini dipindahkan ke Seksyen 18 pada tahun 1983.

Tanah seluas 10 ekar ini dipersetujui oleh pihak PKNS dengan mengambil kira kemajuan dan pembangunan sekolah ini dari setahun ke setahun.

SRJK(T) Sungai Rengam ditubuhkan pada tahun 1937. Pada tahun 1972, 2 buah sekolah Tamil di Ladang Bukit Jelutong, Shah Alam telah ditutup dan murid-murid di kedua-dua sekolah tersebut dipindahkan ke SRJK(T) Sungai Rengam ini.

Pada tahun 1982, SRJK(T) Sungai Rengam ini telah diarahkan pindah oleh pihak PKNS kerana kawasan tersebut hendak dijadikan kawasan perumahan. Perpindahan ini telah dipersetujui oleh pihak sekolah atas syarat bahawa tanah seluas 10 ekar diperuntukkan untuk sekolah ini di Seksyen 18 Shah Alam.

Pada tahun 1983 SRJK(T) Sungai Rengam ini dipindahkan ke Seksyen 18 Shah Alam di mana pihak PKNS telah mendirikan dua blok



bangunan sementara serta lain-lain-kemudahan di atas tanah 10 ekar itu.

Pada tahun 1984 pihak sekolah dengan kebenaran pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan kerjasama pihak PIBG telah memagar kawasan seluas 10 ekar yang telah diperuntukkan kepada sekolah ini. Di samping itu berbagai-bagai projek telati dilaksanakan dalam tanah yang diperuntukkan itu. Dan di antaranya ialah kantin bernilai \$50,000, gelanggang badminton serta sebuah lagi bangunan tambahan bernilai \$46,000. Kesemua projek ini dilaksanakan di kawasan yang diperuntukkan itu atas dasar bahawa tanah Eersebut dikhaskan kepada sekolah ini oleh PKNS.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan yang pesat dan peningkatan murid lebih kurang 1,000 orang di sekolah ini adalah disebabkan sekolah ini terletak di pusat bandar Shah Alam dan tidak sekolah Tarail yang lain di bandar Shah Alam **ini**. Pada masa ini sekolah tersebut adalah di bawah bantuan modal dan keadaan ini telah membantutkan perkembangan fizikal sekolah ini. Kementerian Pendidikan haruslah menukar imej sekolah ini dengan menjadikannya sebuah sekolah bantuan penuh Kerajaan dan menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan dengan mengekalkan tanah seluas 10 ekar. Sekolah tersebut perlu dibangunkan sejajar dengan pembangunan bandar Shah Alam sebagai ibu kota Selangor Darul Ehsan.

Untuk makluraan, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Shah Alam sebanyak 23 bidang tanah dengan keluasan 10 ekar setiap satu telah dikhaskan untuk pembinaan sekolah-sekolah. Oleh itu sebidang tanah yang sesuai bolehlah dikhaskan untuk Sekolah Kanak-kanak Cacat tanpa melibatkan tanah yang telah diperuntukkan untuk SRJK(T) Sungai Rengam ini, Saya berharap Kementerian Pendidikan akan memberi

pertimbangan yang sewajarnya terhadap masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah ini dan kepercayaan bahawa Kerajaan bersikap adil terhadap semua pihak tanpa mengambil kira aliran sekolah sama ada sekolah kebangsaan atau sekolah rendah jenis kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian tentang penghuni-penghuni di tanah rizab KTM di antara Rawang/Seremban dan Sentul; dan Kuala Lumpur/Pelabuhan Kelang; telah menerima surat notis untuk mengosongkan tanah KTM dengan seberapa segera kerana Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk membina sebuah landasan berkembar keretapi.

Penempatan semula setingan ini dikendalikan oleh Unit Penyelarasan Perlaksanaan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Di sepanjang tanah rizab KTM, beribu-ribu orang telah mendirikan rumah dan seterusnya mendirikan keluarganya. Sebilangan besar dari mereka adalah daripada desa berhijrah ke bandar. Apabila mereka mendapatkan kerja di kilang-kilang dari kawasan perindustrian seperti Petaling Jaya, Sungai Way, Kelang, Kajang, Bangi dan Senawang terus mendirikan rumah papan di tanah rizab KTM dengan harga yang murah sekali. Peralihan ini berlaku berperingkat-peringkat lebih dari 30 tahun. Ada sebilangan penduduk dari ladang-ladang getah telah menetap di tanah KTM apabila Kerajaan Persekutuan telah mengambil tanah ladang untuk pembangunan bandar-bandar baru sebagai satellite town, dengan izin.

Penduduk-penduduk di tanah rizab KTM ini adalah dianggapkan sebagai penduduk yang raendirikan rumah di tanah haram.. Pada pendapat saya ada daripada penduduk tanah rizab KTM ini mempunyai dua generasi.

Tuan Yang di-Pertua, taraf kehidupan penduduk-penduduk di tanah rizab KTM adalah kurang raemuaskan. Mereka adalah pekerja harian iaitu pckerja seciap hari untuk mendapatkan rezeki. Ada pepatah Melayu menyebut berbunyi kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Mereka mengharapakan upah yang tidak terjamin.

Mereka adalah rakyat yang miskin. di bandar-bandar tersebut di atas, lazimnya orang desa ingat bahawa orang bandar hidup dengan mewah tetapi penduduk-penduduk di tanah rezab adalah sebaliknya. Kehidupan mereka bolehlah dianggapkan di bawah garis kemiskinan, Perkara ini telah ternyata apabila Kerajaan Persekutuan telah menjalankan gerakan bancian. Penduduk-penduduk di tanah rezab KTM mempunyai anggapan bahawa kehidupan mereka adalah terjejas sekiranya menempatkan mereka jauh dari sumber pendapatan. Mereka adalah golongan berpendapatan rendah dan kurang mampu untuk menghantar akan-anak mereka ke sekolah. Secara umum semua rakyat di negara ini mengalu-alukan projek landasan keretapi dua hal ke arah ke modenan, Kerajaan haruslah mengambil kira taraf kehidupan pemastautin-pemastautin apabila dipindahkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan bahawa bandar-bandar yang tersebut di atas berpotensi untuk menampung mereka. Banyak projek-projek perumahan sedang dilaksanakan di kawasan-kawasan yang terlibat. Kerajaan Persekutuan haruslah berpakat dengan Kerajaan Negeri untuk memberikan rumah murah kos rendah kepada mangsa-raangsa dari tanah rezab KTM. Dengan ini Kerajaan boleh mengatasi masalah-masalah sosial yang akan timbul selepas penempatan. Saya berharap Kementerian yang berkenaan mengambil kira semua aspek-aspek yang saya sentuh sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sekali lagi saya menyokong Akta Perbekalan Tambahan yang dikemukakan di Dewan ini supaya diluluskan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Puan Lau Jack Yoon.

5.44 ptg.

**Puan Law Jack Yoon:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1989 yang telah dibentangkan. Saya hendak membahaskan mengenai Kepala B.21 di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan..

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita bergantung kepada bijih timah, getah, minyak kelapa sawic dan. petroleum untuk mendapatkan hasil negara. Kesemua ini telah menyediakan peluang pekerjaan untuk rakyat kita. Negara telah bertambah maju dan satu lagi punca hasil negara ialah sektor perkilangan yang juga banyak menyediakan peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun kadar pengangguran dalam negara masih lagi tinggi. Kerajaan nampaknya bersungguh-sungguh meningkatkan pengeluaran untuk meningkatkan lagi hasil negara. Ada satu lagi industri yang belum sangat diberi penekanan dan kita baharu sahaja mula melibatkan negara dalam industri ini dengan secara besar-besaran. Industri itu ialah industri pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lalu di satu Persidangan Antara Parlimen The Hague, Holland, ramai peserta membincangkan industri pelancongan ini. Mereka menyebut tentang revolusi pelancongan yang akan melanda dunia, satu revolusi yang mempunyai masa depan yang cemerlang. Hasil dari revolusi ini akan membawa keuntungan kepada mereka yang sudah bersedia untuk menghadapinya. Hasilnya lumayan. Pelancongan akan menjadi induatri eksport nombor satu menjelang akhir abad ini, kata Antonio Savenatte, Setiausaha

Agung baru Organisasi Pelancongan Sedunia atau, dengan izin, World Tourism Organisation. Peri pentingnya revolusi ini bagi negara-negara membangun adalah sangat jelas. Di dalara suasana dunia di mana perkilangan dan perdagangan yang berteknologi tinggi bergantung kepada otomasi pelancongan, tanpa segan-segan saya sebutkan di sini, kepada manusia untuk menjayakannya. Pelancongan ini bergantung kepada pekereja-pekerja dan sentiasa berkembang. Pelancongan akan menjadi sumber baru pekerjaan di dalam negara-negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan Watan - Econometric Forcasting Associate, dengan izin, yang berpangkalan di Amerika Syarikat, tiap-tiap seorang dari enambelas orang pekerja di seluruh dunia ini bekerja dalam sektor pelancongan. Melancong dan pelancongan adalah satu industri yang terbesar di-dunia ini dari segi pekerjaan. Penganalisa-penganalisa **Watan** juga mencatatkan bahawa Kerajaan-kerajaaa di dunia ini mendapat pertambahan kejayaan sebanyak US\$166 billion dari pelancongan dan hasil cukai yang berkaitan. Mengikut Organisasi Pelancongan Sedunia, pengaliran pelancong-pelancong dianggarkan berkembang lebih dari 40% di dalam abad akan datang. Negara-negara Eropah telah menikmati industri pelancongan ini berabad-abad lamanya. Negara-negara Asia sekarang ini menikmati 1/5 sahaja dari industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut meraberi tahniah kepada Kerajaan kita yang berpandangan jauh dengan mewujudkan "Tahun Melawat Malaysia 1990" pada ketika kemajuan pelancongan sedunia berada di

kemuncaknya. Kita perlu mempelajari bagaimana kita boleh mengambil kesempatan dari kemajuan pelancongan ini. Pilihan bagi pelancongan, sedang pesat maju ke hadapan dan mungkin akan menjadi punca utama kewangan dalam tahun-tahun 1990an.

Negara Thailand sedang membina Pusat-pusat Senaman untuk peminat badan sehat. Thailand juga sedang bergiat menyediakan Pusat-pusat Perkampungan untuk persara-persara yang hendak lari dari dunia moden yang makin sempit dan kos sara hidup pula sangat mahal.

Bali sedang membina Pusat-pusat Perdagangan dan Persidangan yang besar-besar dengan harapan menjadikan Bali Pusat Persidangan ala Geneva di sebelah timur ini.

Di Ruanda pelancong-pelancong membawa \$170 seorang untuk melihat dan memerhati gorila-gorila gunung dalam "Park National Dust Cocaine".

Kita boleh mencukupkan kepada pelancong berbagai tarikan di dalam negara ini tetapi tarikan itu raestilah betul-betul menarik. Kita mempunyai cuaca yang sesuai sepanjang tahun. Disney Land di Los Angeles umpamanya ditutup pada musim sejuk iaitu dari bulan November hingga bulan Februari atau Mac.

Negara kita tidak bermusim seperti itu. Kalau ada musim ialah

musim hujan. .Itupun tidak mengganggu manusia untuk pergi ke mana-mana.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menghadapi abad yang akan datang ini kita perlu membuat persediaan untuk menghadapinya. Kalau kita hendak mengeksploitasi industri pelancongan ini, Kerajaan perlu bersedia menghadapinya. Begitu juga sektor swasta. Persediaan yang perlu dibuat itu ialah berbagai-bagai iaitu:

- (1) Kerajaan atau sektor swasta perlu menubuhkan institusi pengajian lanjutan dalam bidang perhotelan dan pelancongan yang boleh membawa kepada pengajian lanjutan seperti ke Amerika, Eropah, India dan lain-lain.
- (2) Kita mempunyai satu Pelan Induk Pelancongan. Sekiranya pelan ini hendak berjaya ada perlunya pelan itu disemak dari masa ke semasa.
- (3) Semua resort pelancongan perlu dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan moden yang kemaskini, menarik dan selesa kepada pelancong-pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, banyak tempat di ceruk rantau tanahair kita ini yang boleh dibangunkan sebagai pusat pelancongan tetapi kita perlu raenggunakan imaginasi kita dalam rancangan pembangunan kita:

- (a) Pusat pelancongan Ocean Park di Tanjung Sepang umpamanya mempunyai potensi besar untuk dijadikan tetnpat pelancongan, tetapi apabila saya pergi melihat tempac itu, saya perhatikan keadaannya belum sampai ke tahap antarabangsa. Malahan tempat yang berpotensi ini tidak lagi beroperasi sebagai tempat pelancongan. Jalan menuju ke situpun tidak

membayangkan suasana pusat pelancongan. Saya berharap ada baiknya tempat ini dibangunkan sernula.

- (b) Taman Negara kita mempunyai potensi besar sebagai pusat pelancongan. Kita perlu membangunkannya lagi seperti mengadakan jeti yang baik, bot-bot yang cantik dan selesa dan kemudahan penginapan pada waktu malam. Kemudahan bagi memerhati dan mengambil gambar binatang-binatang liar seperti harimau, gajah dan lain-lain perlu diadakan. Saya yakin pelancong-pelancong tidak keberatan membayar \$310 hingga \$410 untuk dua malam di Taman Negara ini.
- (c) Pelancong-pelancong yang datang dari negara-negara asing di mana cara hidup moden memeningkan jiwa mereka. Mereka suka datang ke negara ini untuk balik ke alam semula jadi atau, dengan izin, go back to nature. Mereka mahu bersiar-siar dalam hutan. Mereka hendak raelihat pohon-pohon kecil dan besar. Mereka hendak memerhati burung dan unggas. Mereka hendak lihat binatang-binatang dalara hutan. Dalam konteks ini Janda Baik umpamanya yang begitu dekat dengan Kuala Lumpur boleh dibangunkan untuk mereka. Untuk menjadikan Janda Baik itu menarik, kita perlu menyediakan apa yang pelancong-pelancong itu mahu. Mereka mahu ada restoran dan tempat rehat di pinggir hutan, lorong-lorong pengembaraan yang selesa, pokok-pokok popular dinamakan, peta disediakan dan risalah mengenai tumbuh-tumbuhan yang ada di dalam hutan itu boleh dicatat. Di Janda Baik ini juga, petak-petak untuk sawah padi, getah dan kelapa sawit termasuk juga pokok buah-buahan boleh diadakan.



- (d) Seni pembuatan dan pertukangan cangan di negara ini seperti seni raembuat batik, kraftangan dari mengkuang, buluh dan rotan dan berbagai-bagai lagi perlu diperhebatkan. Satu daripada cara untuk menggalakkan pelancong-pelancong membeli barang-barang ini ialah dengan melibatkan mereka dalam pembuatannya. Seni tidak dipusatkan di negeri-negeri tertentu sahaja. Kalau seni mengecap batik itu asalnya dari Kelantan, bukan bermakna pelancong-pelancong mesti pergi ke Kelantan untuk melihatnya. Ini berraakna pusat kraftangan ini perlu diadakan di seluruh negara. Di mana ada pusat pelancongan, di situ ada perusahaan kraftangan ini.
- (e) Industri yang membuat benda kecil-kecil ,ini boleh dijadikan buah tangan seperti rantai kunci, dompet duit untuk lelaki dan wanita, buku nota yang bermotif apa sahaja berkaitan dengan negara ini perlu digalakkan dan diperbesarkan lagi. Benda-benda kecil ini murah harganya dan senang dibawa untuk dijadikan ole-ole kepada saudara-mara dan rakan-rakan oleh pelancong-pelancong,
- (f) Malaysia Timur mempunyai potensi besar untuk dimajukan lagi bagi pelancong-pelancong. Kedudukan guanya sebagai salah satu, dengan izin, wonders of the world, umpamanya perlu dieksploitasi supaya lebih ramai pelancong akan pergi ke sana melihatnya. Ada satu perkara yang amat penting dipertimbangkan pada peringkat ini iaitu tambang penerbangan ke sana yang begitu mahal jika dibandingkan dengan tambang-tambang penerbangan antarabangsa bagi jarak yang sama. Tambang yang perlu diturunkan ialah bagi sektor

Kuala Lumpur-Kuching dan di antara semua destinasi dalam negeri Sarawak dan di sektor Kuala Lumpur-Kota Kinabalu dan di antara semua destinasi dalam negeri Sabah. Tujuannya ialah untuk menggalakkan pelancong yang datang ke Kuala Lumpur pergi ke destinasi lain di Malaysia oleh kerana tambang penerbangan yang murah.

- (g) Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan perlu mempunyai hubungan rapat dengan agensi-agensi pelancongan terutama sekali dalam merancang destinasi-destinasi pelancongan dalam negara ini. Di sebaliknya pula, agensi-agensi pelancongan perlu peka terhadap peranan yang dimainkan oleh Kementerian ini untuk membantu mereka mendapat keuntungan dari industri pelancongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini, ingin saya sebut di sini tentang, dengan izin, attitude pihak swasta yang ada hubungan dengan pelancongan.

Pada satu masa dahulu Kerajaan menggesa sektor swasta mendirikan lebih banyak lagi hotel di Kuala Lumpur ini dan di lain-lain bandar besar di seluruh negara, malangnya tidak ramai yang mahu berbuat begitu. Tetapi sekarang apa sudah jadi, pelancong yang datang ke negara ini tidak ada tempat penginapan oleh kerana tidak cukup bilik hotel. Ada pula yang merancang datang ke wilayah ini dan satu daripada destinasi mereka ialah Kuala Lumpur, raalangnya apabila mereka membuat tempahan tempat penginapan di Kuala Lumpur, mereka tidak jadi datang ke Kuala Lumpur, sebab apa? Syarikat pelancongan di negara mereka tidak dapat menjamin tempat tinggal di Kuala Lumpur,

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini sudah ramai pelancong datang ke Kuala Lumpur dan kadar penginapan hotel atau, dengan izin, occupation rate sudah meningkat ke tahap 90% hingga ke 95%. Oleh kerana banyak permintaan dan bekalan kurang, hotel-hotel telah menaikkan sewa bilik ke satu tahap yang hampir sama dengan negara-negara Barat. Kita boleh naikkan sewa bilik, tetapi adakah kita mengadakan kemudahan-kemudahan yang sama sepertimana yang diadakan di negara-negara Barat itu? Harga sama tetapi kemudahan kurang, ini tidak akan menarik pelancong untuk datang ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini juga telah dieksploitasikan oleh hotel-hotel, sewa segala kemudahan yang ada di hotel juga

dinaikkan, sewa Bilik Mesyuarat dan Dewan Persidangan dinaikkan. Ini membebankan peniaga-peniaga dan syarikat-syarikat tempatan yang hendak mengadakan seminar-serainar, perjumpaan dan sebagainya. Nampaknya sekarang ini pekerja-pekerja di hotel sudah mula sombong, orang-orang dari luar diberi layanan baik, tetapi orang-orang tempatan tidak sangat dipedulikan. Ini bermakna hotel-hotel adalah untuk pelancong dari luar negeri sahaja dan pelancong-pelancong tempatan tidak ada tempat lagi dalara budaya keraian mereka. Jadi, pelancong dari luar negeri dapat layanan dengan izin first class dan pelancong dalam negeri mendapat layanan second class, dengan izin.

Dalam perkara seperti ini Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan juga Perbadanan Kemajuan Pelancongan perlu memberi perhatian serius oleh kerana industri pelancongan ini bukan bergantung 100% kepada pelancong-pelancong dari negara asing, orang-orang tempatan juga melancong dari satu negeri ke negeri lain dalam Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam industri pelancongan ini Malaysia masih ketinggalan, hakikat ini perlu diterima, tetapi kita belum jauh sangat lagi ketinggalan. Industri ini sedang berkembang maju dan kita tahu industri ini boleh membawa keuntungan yang banyak. Jika kita mahu keuncungan itu, kita terpaksa bersaing dengan negara-negara yang sudah jauh maju dari kita dalam industri ini..

Masanya sudah sampai bagi kita untuk bertindak dengan penuh komitmen, kita perlu bekerja keras, jika tidak kita akan terus ketinggalan. Sekiranya kita berjaya dalam industri ini, saya yakin

kadar pengangguran dalam negara ini akan turun dengan lebih ketara lagi.

Dengan **itu**, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989) ini. Terima kasih.

**Tuan Yatig di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun, silakan.

6.17 ptg.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama menyertai perbahasan mengenai Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh beberapa Kementerian, saya akan mulakan dengan Kementerian Pendidikan.

Sepertimana kita serau maklurn, negara kita mengalami perubahan dan kemajuan dalam bidang pendidikan amat pesat sejak kemerdekaan lagi. Sekarang kita sudah sampai ke satu tahap di mana jumlah pelajar-pelajar di sekolah yang layak bersekolah meningkat ke angka 99.3% kalau tidak salah saya. Dengan lain perkataan, hampir 100% anak-anak kita mendapat tempat untuk bersekolah, tidak kira kaum, tidak kira bangsa dan tidak kira keturunan.

Ini saya rasa satu kejayaan yang tidak dapat dinafikan dan tidak ada siapa dapat menolak bahawa inilah satu usaha tanpa bandingan, malahan boleh jadi seluruh dunia yang ketiga. Dan anak-anak kita ini yang kita latih daripada kecil ini semua mendapat

pelajaran dari Bahasa Kebangsaan. Perkembangan Bahasa Kebangsaan pun amat mengagumkan sebab bukan sahaja kita dapat mempertingkatkan Bahasa Kebangsaan kita ke tahap antarabangsa, malahan juga dalam semua bidang pelajaran. Tetapi yang menjadi masalah sekarang apabila semua rakyat tidak kira keturunan dan bangsa mendapat ilmu dalam Bahasa Malaysia. Yang malangnya kita tidak dapat mengadakan cukup bahan-bahan bacaan untuk mereka yang begini ramai.

Sesudah tamat sekolah menengah mereka akan terus belajar di pusat-pusat pengajian tinggi di tanahair. Kalau mereka perlu pergi ke seberang laut mereka terpaksa menguasai bahasa Inggeris, tetapi yang tidak bernasib baik, yang terpaksa menaruskan pelajaran di dalam negeri akan terus menguasai hanya satu bahasa kebanyakannya dan mereka yang menguasai satu bahasa *ini*, malangnya lagi tidak berpeluang untuk menambah ilmu sebanyak mungkin seperti mereka yang berdwibahasa kerana bukan sahaja mereka tidak berupaya dalam bahasa lain, tetapi mereka terbatas pula dalara bahasa ibunda mereka berhubung dengan bahan bacaan.

Bahan bacaan bukan sahaja tidak ada, tidak cukup malahan sekarang kalau kita tengok bahan bacaan dalam Bahasa Malaysia amat ketinggalan, ketinggalan dalam konteks perkembangan maklumat yang begitu pesat di seluruh dunia terutama sekali di zaman ketnajuan teknologi 'the age of information'. Misalannya, pada tahun 1988 kita ada 1,300,000 lebih pelajar-pelajar di sekolah, yang di sekolah ini semuanya menguasai Bahasa Malaysia.

Kita dengar Menteri Pendidikan merungut dan pemimpin-pemimpin dalam bidang pendidikan pun merungut bahawasanya pelajar-pelajar kita kurang bahan bacaan. Mereka tidak ada choice kecuali buku-buku teks yang disediakan oleh penulis-penulis tempatan dan juga oleh pihak Kementerian. Bagi raeluaskan ilmu mereka, kita perlu menyediakan lebih banyak lagi bahan ini ke arah **ini**. Ke arah ini kita harus memikir dengan secara mendalam dan memikir juga strategi imtuk mengacasi masalah ini - masalah kekurangan bahan bacaan ini, Kalaulah kita raengharapkan bahan bacaan dan bahan penulisan keluar secara natural daripada kegiatan-kegiatan beberapa orang penulis yang berminat untuk menulis, kica sudah pasti tidak akan dapat kejar penambahan ilmu pengetahuan yang begitu pesat di seluruh dunia, lebih-lebih lagi apabila kita dapat ahli-ahli politik yang bingung yang menyarankan supaya anak-anak kita tidak membaca suratkhbar tertentu supaya misalnya Babasa Malaysia kita hanya ada dua suratkhbar utaraa di tanahair iaitu Berita Harian dan Utusan Malaysia. Mereka larang, kerana kononnya ini suratkhbar parti pemerintah maka suratkhbar ini penuh dengan dakyah dan propaganda, maka tutup jangan baca. Mereka suruh membaca hanya beberapa suratkhbar mosquito.

Dengan sendirinya kita menutupkan ilmu pengetahuan sedangkan media massa untuk menyebarkan ilmu hanya itu sahaja ada di tanahair. Maka kita akan tertumpu anak-anak kica membaca suratkhbar-surat khbar mosquito ini yang penuh dengan dakyah dan fitnah menanam dalam kepala anak-anak kita supaya berfikir jahat daripada awal-awal lagi. Kalau mereka tidak membaca, alternatif yang lain ialah majalah-majalah hiburan. Dalam majalah-majalah hiburan itu tidak

memberi banyak ilmu pengetahuan kecuali menceritakan tentang Ramlah Ram dengan Maarof, tentang Fauziah Latif dengan rupa cantiknya. Saya kenal semua penyanyi-penyanyi kerana berminat, anak saya pun mengikutinya, tetapi dengan lain perkataan kalaulah ini menjadi tumpuan pembacaan anak-anak kita, majalah yang penuh pasaran sekarang **ini**, di manakah kita hendak dapat anak-anak kita yang mempunyai ilmu pengetahuan yang lebih?

Kalaulah ada ahli-ahli politik suruh membakar suratkhbar utama tanahair dengan sendirinya mereka mahu menutup mata kepala anak-anak kita daripada ilmu yang lebih. Dengan sendirinya mereka tidak menggalak budaya membaca. Ini mereka menggalak buta huruf bahkan jahil segala-galanya. Itu bagi orang-orang politik yang jahil, mereka mahu keadaan yang begitu, tetapi bagi kita yang bertanggungjawab, yang rasional, apakah seharusnya kita buat untuk menambahkan ilmu pengetahuan. Bagi saya, saya rasa sesuatu yang besar perlu dibuat. Kalaulah Tahun Melawat Malaysia kita boleh memperuntukkan duit, misalnya tahun ini \$92 juta untuk promosi sahaja, untuk iklan supaya menarik pelancong datang ke Malaysia supaya kita dapat duit mengikut anggaran Keraenterian ialah \$2.3 juta dan penambahan pelancong daripada 3.9 tahun sudah kepada 4.3 million tahun ini. Dengan penambahan itu kita nampak duit, apakah kita tidak raahu menambah peruntukan supaya membolehkan ilmu pengetahuan ini diperluaskan lagi dengan cara-cara lain misalnya.

Saya menyarankan kepada Menteri Pendidikan supaya mengadakan peruntukan khas untuk terjemahan. Katakan \$100 juta untuk terjemahan. Kita ada profesor-profesor, kita ada pensyarah-pensyarah universiti yang tidak menulis **pun**, kerana mungkin tidak



masa, kerana mungkin tidak ada insentif. Katakan kita peruntukan \$100 juta ini untuk menterjemahkan buku-buku bukan untuk original works - terjemahkan buku sahaja, mana buku yang patut dibaca di Malaysia menjadi pilihan universiti atau pusat-pusat pengajian ataupun bidang profesyentertentu, terjemahkan buku itu dengan peruntukan tertentu, dengan ganjaran tertentu khas oleh Kerajaan, bonus untuk mereka. Sudah tentu kita akan dapat buku yang ditulis dan diterjemahkan oleh pensyarah-pensyarah kita daripada pusat-pusat pengajian tinggi dan juga mungkin di kalangan pegawai-pegawai kita yang mempunyai pengalaman yang begitu luas.

Mereka yang berumur 30 atau 35 ke atas, semua dwi bahasa - boleh berbahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Terjemahan ini boleh dilakukan. Mungkin orang akan argue dengan saya raengatakan profesyen penterjeraan ini ialah satu profesyen yang memerlukan kepada latihan istimewa. Saya rasa itu boleh diatasi, apa sahaja yang kita hendak buat boleh dibuat. Kalaulah pelancong, kalau dahulu kita tidak dikenal oleh dunia dalam masa setahun sahaja kita boleh memperkenalkan dunia hingga hotel pun tidak cukup, bilik-bilik hotel pun tidak cukup, kenapa kita tidak boleh tambah, peruntukan untuk mengadakan penterjemahan buku-buku dalam semua bidang supaya kita kaya dengan ilmu pengetahuan, supaya anak-anak kita tidak lagi berkejaran bertumpu ke pusat-pusat hiburan membaca majalah-majalah seperti mana terdapat penuh di kedai-kedai sekarang ini.

Itu salah satu cara mungkin yang boleh difikirkan oleh Kementerian Pendidikan untuk keagongan Bahasa Malaysia, bahasa untuk kita semua, bahasa yang dibanggai oleh semua rakyat Malaysia, tidak terkecuali bangsa. Apakah kita tidak boleh buat sesuatu itu demi

untuk semangat patriotis sekurang-kyrangnya kalau tidak dari segi praktik untuk menghadapi masalah yang dihadapi oleh negara sekarang ketandusan ilmu. Dan kita bercakap tentang mediokrati, tentang kesederhanaan pencapaian di peringkat universiti sedangkan ilmu untuk mereka kita tidak sedia dengan bahan-bahannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat sekiranya kita mahu mempertingkatkan pendidikan di tanahair untuk mencapai kecemerlangan, sesuatu yang radikal perlu diadakan untuk bangsa kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bidang pendidikan, saya juga ingin menyencuh bidang pelancongan. Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon sudah pun bercakap dengan panjang lebar tentang pelancongan, tetapi suatu aspek yang saya ingin tambah ialah perkembangan pelancongan ini ialah satu perkara yang tidak dapat dielakkan. Sekarang ialah zaman revolusi perjalanan. Di global village orang tidak lagi berfikir tentang daerah masing-masing. Mereka merasai seluruh dunia ini negeri mereka. Rakyat dunia sekarang sudah diserapi dengan nilai-nilai sejagat bahawasa kita tidak perlu fikir tentang boundries-boundries yang artificial yang dicreate dan dijadikan oleh manusia. Maka dengan revolusi, maklumat yang begitu hebat berkembang di seluruh dunia yang menjatuhkan Kerajaan di Eropah Timur, yang dengan sekali gus menghembus satu ideologi yang tidak terfikir terbuat dalam masa tiga empat bulan.

Ini semua hasil daripada negara Eropah Timur dibuka pintu sahaja, jendela kepada dunia. Apabila dibuka sahaja jendela kepada dunia, mereka dengan serta merta melihat dan membuat perbandingan tidak ada satu umat dalam dunia ini boleh menutup mata mereka tentang perkembangan di seluruh dunia. Maka Malaysia tidak dapat tidak

menahan - tak boleh menahan pelancong-pelancong datang ke Malaysia, malahan sekarang ini sudah menjadi hak asasi manusia untuk ~~men~~ jelajah ke mana-mana. Saya difahamkan di sekitar Pasifik ini sahaja manusia yang melancong dan bergerak ke sana ke sini tidak kurang daripada 30 juta setahun. 30 juta yang bergerak di sekitar Pasifik ini sahaja. Kalaulah kita fikir kenapa manusia bergerak begini ramai, sudah tentu ada sesuatu yang menyebabkan manusia bergerak demikian.

Saya berpendapat, selain daripada revolusi maklumat selain daripada relovusi komunikasi, selain daripada revolusi ilmu pengetahuan, knowledge tentang dunia sudah tentu ada sesuatu yang lebih lagi, iaitu nilai sejagat yang mulai diterapi oleh semua anak muda seluruh dunia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya mohon maaf, jam sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung lagi ucapan pada hari esok.

**Tuan Hassan bin Harun:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 2.30 petang hari esok, Selasa 27hb Mac 1990.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6,30 petang.

